

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 5 BESTARI DALAM MENJAWAB SOALAN PUNCA-PUNCA KEMEROSOTAN KESULTANAN MELAYU MELAKA DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH STESEN ANIMASI-THINK

Oleh :

NUR AIN BINTI AB SHUKOR
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan adalah untuk meningkatkan pencapaian murid dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Sampel dalam kajian ini terdiri daripada lapan orang murid dari tahun 5 Bestari yang memperoleh markah terendah bagi mata pelajaran Kajian Tempatan dalam ujian diagnostik mengenai subtopik kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Data dikumpulkan melalui ujian pra, ujian pasca, analisis dokumen dan temu bual. Data dianalisis menggunakan peratusan markah dalam ujian pra, ujian pasca dan dokumen manakala temu bual dianalisis secara deskriptif. Hasil analisis data mendapati bahawa seramai lapan orang sampel kajian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kaedah stesen Animasi-Think sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian lapan orang sampel dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka.

Kata kunci: Kaedah stesen Animasi-Think

1.0 PENDAHULUAN

Kajian Tempatan merupakan mata pelajaran elektif pada peringkat sekolah rendah yang wajib diambil oleh murid-murid tahun 4, 5 dan 6. Pengkaji telah melaksanakan praktikum Fasa III di Sekolah Kebangsaan Pandan Indah selama tiga bulan di Ampang. Dalam tempoh masa menjalani praktikum Fasa III, pengkaji telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Kajian Tempatan bagi kelas Tahun 5 Bestari. Murid didapati tidak memberi tumpuan semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan dan tidak memberi respon yang sewajarnya terhadap soalan yang dikemukakan. Penyelidikan tindakan ini adalah meliputi penggabungan antara penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) iaitu menggunakan kaedah stesen Animasi-Think dalam meningkatkan pencapaian murid tahun 5 Bestari dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka.

2.0 FOKUS KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengatasi masalah murid yang mendapat pencapaian yang rendah dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Setelah membuat analisis item kepada setiap soalan yang dijawab murid, pengkaji mendapati murid amat lemah dalam menjawab soalan yang memerlukan mereka mengingat. Bagi mengatasi masalah ini, kaedah stesen Animasi-Think telah diperkenalkan untuk meningkatkan pencapaian murid dalam menjawab soalan punca-punca berlakunya kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Penggunaan kaedah stesen Animasi-Think berbeza dengan pengajaran dan pembelajaran konvensional yang memperlihatkan guru membaca teks di hadapan murid sambil murid mendengar. Kaedah ini menjadikan murid lebih seronok belajar apabila kaedah ini turut menyelitkan animasi punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Dalam menyediakan bahan pembelajaran berasaskan penggunaan stesen Animasi-Think ini, aspek kebolehtadbiran yang dipertimbangkan adalah membabitkan aspek kos dan pengurusan dalam kelas. Pengkaji dapat mengurangkan kos kajian dengan membeli satu perisian CD untuk empat stesen. Selain itu, borang permarkahan dan penetapan peraturan adalah untuk menilai sahsiah atau disiplin mereka sepanjang intervensi berlangsung. Kajian ini relevan kerana ciri-ciri video animasi yang lebih mesra, interaktif, sumber maklumat, menghibur dan berinformasi boleh menarik minat murid dalam mata pelajaran ini. Kaedah stesen Animasi-Think ini membolehkan PdP berlaku dalam situasi dua hala dan mempunyai unsur simulasi interaktif dengan penggunaan pelbagai media penyampaian agar murid dapat berfikir secara kritis dalam mencari maklumat. Pengenalan kaedah stesen Animasi-Think diharapkan dapat membantu murid-murid sasaran meningkatkan pencapaian dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini seterusnya dapat membantu

mereka lulus dengan baik dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Oleh yang demikian, kaedah stesen Animasi-Think ini bersesuaian, relevan dan membuka jalan baru dalam bidang pendidikan sekali gus dapat meningkatkan minat dan pencapaian murid-murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dalam tema sejarah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif umum

Kajian ini bertujuan meningkatkan pencapaian murid tahun 5 Bestari dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka dengan menggunakan kaedah stesen Animasi-Think.

3.2 Objektif khusus

- i. Meningkatkan pencapaian lapan orang murid tahun 5 Bestari dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka dengan menggunakan kaedah stesen Animasi-Think.
- ii. Murid dapat menghasilkan nota punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka yang sistematik dan ringkas dengan menggunakan kaedah stesen Animasi-Think.
- iii. Meningkatkan peratusan markah ujian pasca berbanding ujian pra dalam tajuk punca-punca kemerosotan kesultanan Melayu Melaka bagi lapan orang murid tahun 5 Bestari dengan menggunakan kaedah stesen Animasi-Think.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran kajian ini merangkumi lapan orang murid 5 Bestari Sekolah Kebangsaan Pandan Indah, Ampang. Seramai lima orang murid adalah lelaki manakala tiga orang adalah perempuan. Kumpulan sasaran ini dipilih melalui hasil ujian diagnostik dijalankan terhadap mereka dan murid-murid menunjukkan pencapaian yang sangat lemah dalam menjawab soalan dalam ujian.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji menggunakan beberapa instrumen seperti pemerhatian berstruktur, menganalisis buku latihan murid dan ujian diagnostik untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas sampel kajian. Pengkaji telah memilih menggunakan kaedah stesen Animasi-Think untuk meningkatkan pencapaian murid dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka.

5.1 Cara Mengumpulkan data/maklumat

Pengkaji telah menggunakan tiga cara pengumpulan data iaitu ujian (ujian pra dan ujian pasca), analisis dokumen dan temu bual berstruktur untuk mendapatkan data yang terperinci dan menyeluruh semasa kajian ini dijalankan. Setiap cara pengumpulan data mempunyai kelebihan tertentu yang membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang sahih dan terperinci.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Pengkaji membuat analisis item kepada setiap soalan yang dijawab murid dan mendapati bahawa murid amat lemah dalam menjawab soalan yang memerlukan mereka mengingat. Hal ini punca utama murid-murid tidak dapat memahami isi kandungan di dalam buku teks dan menyebabkan kegagalan semasa menjawab soalan peperiksaan ataupun soalan lembaran kerja yang diberikan oleh guru. Kelemahan murid menjawab soalan ditinjau dengan lebih teliti untuk membantu pengkaji menggunakan strategi yang lebih berkesan dan bersesuaian untuk dilaksanakan dalam usaha menyelesaikan masalah murid. Tinjauan terhadap masalah tersebut dijalankan melalui beberapa cara iaitu melalui penelitian dokumen, pemerhatian dan ujian diagnostik


5.3 Tindakan menangani masalah

Pengkaji membuat perancangan yang rapi dan tersusun bagi memastikan kajian tindakan yang dijalankan dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sebelum sampel kajian bergerak ke stesen yang ditetapkan, setiap sampel diedarkan lembaran peta pokok dan kedudukan setiap stesen sampel kajian ditetapkan oleh pengkaji. Tugasan yang perlu dilaksanakan pada setiap stesen ialah mereka perlu menonton animasi mengikut stesen punca yang telah ditetapkan seterusnya mencatatkan maklumat pada peta pokok berkenaan sehinggalah selesai stesen yang terakhir. Setelah 4 minit, pengkaji meniup wisel supaya murid bergerak ke stesen yang berikutnya untuk mendapatkan maklumat mengenai punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka yang berikutnya. Aktiviti ini berterusan sehinggalah sampel kajian berjaya menyelesaikan tugasan keempat-empat stesen ini. Pelaksanaan tindakan untuk kitaran kedua adalah sama untuk kitaran pertama. Sebelum sampel kajian diarahkan untuk menjalankan tugasan mereka, pengkaji memaparkan menerusi *slaid Microsoft Power Point* beberapa kata kunci beserta gambar untuk empat punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Pengkaji memberi bimbingan kepada sampel kajian untuk menggunakan kata kunci yang sesuai untuk setiap punca. Kata kunci yang sesuai ialah peralatan tradisional seperti lembing dan tombak. Sampel kajian perlu melukis gambar tersebut secara ringkas pada peta pokok.

5.4 Keputusan kajian

Keputusan kajian untuk ujian pra, ujian pasca, analisis dokumen dan temu bual diterangkan seperti yang berikut.

Ujian pra dan ujian pasca



Rajah 1 Perbandingan markah ujian pra dan ujian pasca



Rajah 1 menunjukkan peningkatan peratusan markah ujian pasca berbanding ujian pra dalam tajuk punca-punca kemerosotan kesultanan Melayu Melaka bagi lapan orang murid tahun 5 Bestari dengan menggunakan kaedah stesen Animasi-Think. Peningkatan markah bagi semua sampel dalam ujian pasca membuktikan bahawa intervensi menggunakan kaedah stesen Animasi-Think berjaya meningkatkan pencapaian lapan orang murid 5 Bestari dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Peningkatan markah yang ketara didapati memang jelas berlaku perubahan pada tahap pencapaian murid yang ditunjukkan. Keyakinan murid dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka juga didapati meningkat

apabila dapat menjawab soalan dengan betul seperti ditunjukkan melalui peningkatan markah ujian pasca.

Analisis dokumen

Peta pokok merupakan salah satu dokumen penting yang digunakan pengkaji bagi mendapatkan data semasa menjalankan kaedah stesen Animasi-Think. Pengkaji telah memeriksa hasil catatan sampel mengenai punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka setelah menonton video animasi. Berikut menunjukkan perbezaan analisis peta pokok semasa kitaran pertama dan analisis peta pokok semasa kitaran kedua.

Jadual 1
Perbezaan analisis peta pokok semasa kitaran pertama dan kitaran kedua murid H

Sampel kajian	Semasa kitaran pertama	Semasa kitaran kedua
Murid H		

Berdasarkan jadual 1, perbezaan dapat dilihat dari segi penghasilan nota semasa kitaran pertama dan kitaran kedua. Semasa kitaran pertama, pengkaji mendapati murid H menghasilkan nota yang panjang, padat dan tidak menarik. Setelah kitaran kedua dijalankan, nota peta pokok yang dihasilkan sampel kajian kelihatan sistematik, ringkas, menarik dengan lakaran gambar kartun yang menjadikan nota ini lebih baik daripada nota yang dihasilkan pada kitaran pertama.

Temu bual

Hasil temu bual dengan sampel kajian menunjukkan bahawa kebanyakan daripada mereka menyukai kaedah ini kerana mereka sangat menyukai video animasi yang digunakan dalam kaedah ini. Menerusi video animasi ini, mereka dapat melihat penceritaan sejarah punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka dengan lebih dekat dan mudah difahami melalui watak-watak animasi yang dipersembahkan dalam video punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Selain itu, sampel kajian juga menyukai watak kartun yang terdapat dalam video animasi dan hal ini menarik minat mereka untuk menonton video ini. Pengkaji juga mendapati bahawa kaedah stesen yang diperkenalkan oleh pengkaji dalam intervensi ini menarik minat mereka dalam kaedah stesen Animasi-Think ini. Hal ini turut dinyatakan oleh murid A, B, E, G dan H yang menyukai kaedah stesen yang memerlukan mereka bergerak dari satu stesen ke stesen yang lain untuk mendapatkan maklumat di setiap stesen. Seterusnya, mereka juga menyukai peta pokok yang dihasilkan. Mereka berpandangan bahawa peta pokok yang mereka catat setelah menonton video animasi membolehkan mereka mengingati punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka dan mudah dihafal. Mereka juga dapat mengenali peta pemikiran i-THINK secara tidak langsung. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa murid meminati kaedah stesen Animasi-Think ini yang mempunyai tiga elemen yang penting iaitu stesen, animasi dan i-Think.

5.5 Rumusan kajian

Peningkatan markah bagi semua sampel dalam ujian pasca membuktikan bahawa intervensi menggunakan kaedah stesen Animasi-Think berjaya meningkatkan pencapaian lapan orang murid 5 Bestari dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Hasil temu

bual dengan sampel kajian membuktikan mereka boleh menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka dalam ujian pasca dengan mudah setelah kaedah stesen Animasi-Think dijalankan. Hal ini kerana mereka telah menguasai topik punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka dengan baik sekali gus boleh menjawab soalan ujian pasca yang telah dijalankan. Berdasarkan analisis dokumen murid iaitu peta pokok, pengkaji mendapati terdapat perbezaan yang ketara aras pencapaian murid dalam menghasilkan nota yang sistematik dan ringkas.

5.6 Refleksi

Pengkaji berpendapat bahawa pencapaian murid yang tinggi dalam ujian pasca adalah disebabkan oleh keberkesanan kaedah stesen Animasi-Think itu sendiri. Kekuatan yang pertama ialah pengkaji dapat melihat keberkesanan kaedah stesen Animasi-Think setelah objektif kajian tindakan ini tercapai. Objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji telah tercapai matlamatnya untuk meningkatkan pencapaian murid dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Pengkaji juga turut berasa bersemangat untuk menjalankan sesi intervensi bersama murid kerana sikap murid yang mudah mengikut arahan pengkaji ketika melaksanakan proses intervensi ini. Semangat ini datangnya daripada kepuasan melihat prestasi pembelajaran murid yang semakin meningkat. Malah, murid juga turut memberikan kerjasama kepada pengkaji ketika mengajar melalui kesediaannya menjalani intervensi. Hal ini dibuktikan apabila pengkaji masuk ke kelas, murid kelihatan sudah bersedia untuk melaksanakan intervensi.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Berdasarkan keputusan hasil kajian yang telah dijalankan, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang telah dikenal pasti untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam kaedah stesen Animasi-Think ini sekali gus dapat membantu meningkatkan pencapaian murid tahun 5 Bestari dalam menjawab soalan punca-punca kemerosotan Kesultanan Melayu Melaka. Intervensi yang telah dilaksanakan masih boleh dimurnikan lagi dengan mengaplikasikannya pada kajian yang dicadangkan ialah memperkenalkan peraturan ujian di dalam bilik darjah, memaparkan arahan stesen melalui tayangan slaid power point dan penggunaan ekonomi token.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman dan Humaizah Hashim. 2012. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Kartun dalam Transformasi Pengajaran Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ)*. 2(1): 129–140.
- Baharuddin Aris, Manimegalai Subramaniam & Rio Sumarni Shariffudin (2002). *Reka Bentuk Perisian Multimedia*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2003). *Multimedia dalam Pendidikan*. Bentong: PTS Publications & Distribution Sdn Bhd
- Noor Azliza dan Lilia (2002). Reka Bentuk Dan Keberkesanan Pembelajaran Berbantuan Multimedia Pendekatan Konstruktivisme Bagi Sains. *Jurnal Teknologi*, 36(E) Jun. 2002: 19–38
- Shobana Nair Keegan (2009). Importance of Visual Images in Lectures: Case Study on Tourism Management Students. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport and Tourism Education*. 6(1), 58-65.
- Siti Fatimah Ahmad dan Ab. Halim Tamuri. 2010. Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2 (2): 53–64

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 5 CERIA DALAM MATA PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN BAGI TAJUK PENTADBIRAN YANG SISTEMATIK MELALUI PENGGUNAAN MICROSOFT POWERPOINT INTERAKTIF

Oleh :

NUR HAFIZAH BINTI JAMASRI
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Ceria bagi tajuk Pentadbiran Yang Sistematis dalam mata pelajaran Kajian Tempatan melalui penggunaan Microsoft PowerPoint interaktif. Seramai enam orang murid tahun 5 dari Sekolah Kebangsaan Desa Baiduri telah dipilih sebagai subjek kajian. Hasil tinjauan awal yang telah dijalankan mendapati bahawa subjek kajian mendapat markah yang rendah dalam peperiksaan pertengahan tahun dan tidak memberikan tumpuan semasa pengajaran berlangsung. Tiga kaedah yang berbeza digunakan sebagai pengujian dan penilaian untuk mengesan punca masalah utama subjek kajian iaitu melalui ujian pra dan pasca, analisis lembaran kerja dan pemerhatian berstruktur. Bagi mengatasi masalah tersebut, pengkaji menggunakan perisian Microsoft PowerPoint interaktif sebagai intervensi dalam pengajaran dan pembelajaran. Terdapat 6 aspek penting yang diutamakan semasa membina paparan Microsoft PowerPoint interaktif, iaitu contrast, alignment, simplicity, proximity, emphasis dan repetition. Keputusan kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Kesimpulannya, dapatan kajian jelas menunjukkan keberkesanan penggunaan Microsoft PowerPoint interaktif dalam meningkatkan pencapaian subjek kajian dalam mata pelajaran Kajian Tempatan bagi tajuk Pentadbiran Yang Sistematis.

Kata kunci: Markah, perisian Microsoft PowerPoint Interaktif

1.0 PENDAHULUAN

Guru yang mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam bidang pendidikan dilihat mampu memenuhi aspek perkembangan murid yang telah dinyatakan. Penggunaan teknologi dalam bidang pendidikan mencakupi cara penyampaian maklumat kepada murid dan penggunaannya sebagai bahan bantu mengajar. Secara umumnya, penguasaan murid dapat ditingkatkan apabila TMK digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) kerana penggunaan lebih dari satu deria menjadikan proses tersebut lebih aktif. Penggunaan teknologi komputer dalam sistem pendidikan pada hari ini merupakan suatu langkah yang diyakini dapat membantu memperbaiki kaedah penerangan di samping meningkatkan tahap pemikiran dan prestasi murid. Malah penggunaannya juga dapat merangsang minat murid terhadap pelajaran yang dipelajari. Salah satu contoh Perisian Pembelajaran Berbantuan Komputer yang ingin diketengahkan dalam pengajaran dan pembelajaran ialah Perisian *Microsoft PowerPoint*. *Microsoft PowerPoint* merupakan salah satu komponen perisian persembahan elektronik yang diintegrasikan bersama ke dalam perisian *Microsoft Office* (Norasiah, Nor Risah Jamilah, dan Rosnah, 2009). Perisian ini bukan sekadar menyelitkan unsur teks semata-mata tetapi terdapat juga unsur-unsur grafik, audio, video, animasi dan juga interaktif. Gabungannya dapat menghasilkan suatu perisian yang menarik serta dapat merangsang pemikiran murid-murid.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji menjalankan kajian yang memberi fokus kepada penggunaan *Microsoft PowerPoint* bagi meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Ceria Sekolah Kebangsaan Desa Baiduri dalam mata pelajaran Kajian Tempatan bagi tajuk Pentadbiran Yang Sistematis. Isu kajian dipilih melalui analisis dokumen iaitu markah peperiksaan pertengahan tahun serta pemerhatian sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan analisis dokumen, pemerhatian yang dijalankan serta refleksi PdP, murid dikenal pasti tidak menumpukan perhatian sewaktu sesi PdP berlangsung. Akibatnya murid tidak mampu untuk menyatakan kembali apa yang telah diajar oleh pengkaji sekaligus menjadikan objektif PdP tidak berjaya dicapai di samping mengakibatkan kemerosotan dari segi markah dalam peperiksaan.

Berdasarkan pengajaran dan pembelajaran, didapati isu utama yang menarik minat pengkaji ialah pencapaian murid yang rendah akibat tidak memberi tumpuan terhadap pengajaran pengkaji hingga mengakibatkan mereka kurang faham dan tidak berminat dengan mata pelajaran ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji bercadang menggunakan *Microsoft PowerPoint* Interaktif bagi memperbaiki cara pengajaran yang sedia ada. Subjek kajian akan menjawab soalan yang dipaparkan pada slaid. Penilaian dibuat melalui pemerhatian pada langkah tiga untuk mengetahui sama ada objektif PdP dan objektif kajian berjaya dicapai ataupun tidak.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Tujuan umum kajian ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Ceria dalam mata pelajaran Kajian Tempatan bagi tajuk Pentadbiran Yang Sistematis melalui penggunaan *Microsoft Power Point* interaktif.

3.2 Objektif Khusus

- Penggunaan *Microsoft PowerPoint* Interaktif dapat meningkatkan pencapaian murid.
- Murid dapat menyatakan kembali fakta-fakta Pentadbiran yang Sistematis melalui lembaran kerja yang diberikan

4.0 KUMPULAN SASARAN

Enam orang subjek kajian dipilih untuk dijadikan kumpulan sasaran. Mereka terdiri daripada enam orang murid Tahun 5 Ceria Sekolah Kebangsaan Desa Baiduri. Dua orang subjek kajian adalah murid lelaki manakala empat orang lagi merupakan murid perempuan. Semua subjek kajian berumur 11 tahun. Subjek kajian dilabelkan dengan abjad iaitu A,B, C, D, E dan F. Subjek kajian dipilih berdasarkan markah mereka yang rendah bagi mata pelajaran Kajian Tempatan dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

5.1 Cara Mengumpulkan Data/ Maklumat

Pengkaji mengumpul data menggunakan ujian pra, ujian pasca untuk mengukur peningkatan sebelum dan selepas intervensi. Selain itu juga, borang pemerhatian senarai semak untuk menjalankan pemerhatian berstruktur ketika intervensi dijalankan.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Melalui analisis dokumen didapati ramai murid yang mendapat markah rendah dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Pengkaji menandakan mereka yang mendapat markah rendah bagi memudahkan pemerhatian dijalankan. Setelah itu, skop kajian dikecilkan. Sewaktu pengajaran dan pembelajaran berlangsung, terdapat enam orang subjek kajian yang tidak memberikan perhatian.

5.3 Tindakan Menangani Masalah

Satu kitaran intervensi yang menggunakan prinsip teknologi maklumat iaitu pembelajaran berbantuan komputer dirancang berdasarkan masalah subjek kajian yang telah dikenalpasti. Pengkaji menggunakan perisian yang dikenali sebagai *Microsoft PowerPoint* bagi meningkatkan pencapaian subjek kajian serta menarik minat mereka untuk mempelajari Sistem Pentadbiran yang Sistematis dalam Kajian Tempatan tahun 5. Pengkaji menilai semula cara pengajaran dan bahan bantu mengajar yang diguna pakai sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Subjek kajian tidak dapat melengkapkan lembaran kerja yang diberikan dan secara tidak langsung mengagalkan objektif PdP. Pengkaji menilai semula penggunaan perisian *Microsoft PowerPoint* dan cuba memperbaiki kesilapan yang ada melalui kitaran kedua kajian penyelidikan.


Dalam kitaran kedua, masalah-masalah yang berlaku sebelumnya cuba untuk diselesaikan. Strategi perancangan baru dibuat bagi memperbaiki paparan-paparan *Microsoft Power Point*

interaktif. Pengkaji menggunakan kaedah 'CASPER' iaitu ciri-ciri paparan yang menarik bagi perisian *Microsoft PowerPoint*.

5.4 Keputusan Kajian

Ujian Pra dan Pasca


Ujian pra yang dilaksanakan sebelum intervensi ternyata kurang memuaskan. Namun begitu, selepas intervensi terdapat peningkatan melebihi separuh dalam peratusan markah subjek kajian. Peningkatan yang dinyatakan oleh pengkaji boleh dilihat dengan jelas menggunakan graf. Hasil keputusan subjek kajian semasa ujian pasca melonjak naik jika dibandingkan dengan ujian pra.



Rajah 1 : Graf menunjukkan peningkatan ujian pasca berbanding ujian pra

Analisis Dokumen


Analisis dokumen dibuat berdasarkan lembaran kerja yang diberikan kepada subjek kajian selepas PdP dijalankan. Lembaran kerja yang mempunyai 10 soalan ini bertujuan melihat sama ada objektif pengajaran dan pembelajaran berjaya dicapai atau tidak. Peningkatan skor subjek kajian boleh dilihat secara menyeluruh melalui graf berikut;



Rajah 2 : Graf menunjukkan skor subjek kajian pada kitaran 1 dan kitaran 2

Pemerhatian

Pemerhatian dibuat dengan menggunakan borang senarai semak pemerhatian bagi memudahkan pengkaji melihat perubahan yang berlaku kepada subjek kajiannya. Ia boleh digunakan sebagai rujukan bagi melihat tingkah laku subjek kajian sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung;



Graf 3 : Graf menunjukkan banding beza item pemerhatian kitaran 1 dan kitaran 2

Melalui pemerhatian yang dibuat, subjek kajian menunjukkan peningkatan yang positif selepas penggunaan *Microsoft PowerPoint* interaktif sebagai bahan bantu mengajar pengkaji. Tetapi peningkatan ini hanya berlaku selepas *Microsoft PowerPoint* interaktif ditambah baik mengikut prinsip 'CASPER' dalam kitaran yang kedua.

5.5 Rumusan Kajian

Kesimpulannya, penggunaan *Microsoft PowerPoint* dalam mata pelajaran Kajian Tempatan adalah satu tindakan yang bijak dan bersesuaian dengan tajuk yang diajar kerana Kajian Tempatan merupakan mata pelajaran yang kebiasaannya dipandang ringan dan tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Setiap proses PdP yang dirancang sebaik mungkin merupakan satu motivasi yang dapat mendorong dan menarik minat murid untuk belajar. Hasilnya murid yang pada awalnya dianggap lemah dan tidak berminat untuk belajar dapat melalui PdP dalam suasana yang menyeronokkan serta membuktikan penggunaan *Microsoft PowerPoint* interaktif.

5.6 Refleksi

Intervensi yang dijalankan secara tergesa-gesa menjadikan hala tuju kajian tidak jelas dan akhirnya kitaran terpaksa diteruskan kerana pengkaji tidak mencapai objektif yang dikehendaki pada kitaran yang pertama. Setelah belajar dari kesilapan, pengkaji merancang semula kitaran yang kedua dan berjaya mencapai objektif yang ditetapkan.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pengkaji mencadangkan penggunaan paparan *Microsoft PowerPoint* interaktif ini diaplikasikan dalam mata pelajaran Sejarah yang diajar di sekolah rendah bagi menggantikan mata pelajaran Kajian Tempatan. Isi pengajaran diantara dua mata pelajaran ini tidak jauh berbeza dan dengan mengaplikasikannya dalam PdP dapat membantu murid untuk memahami sekaligus menarik minat mereka untuk mempelajari Sejarah. Selain itu, *Microsoft PowerPoint* interaktif dalam mata pelajaran Kajian Tempatan boleh diaplikasikan dalam pendidikan menggunakan TMK. Salah satunya adalah melalui 1BestariNet. Sekolah-sekolah akan dilengkapi dengan penyelesaian bersepadu yang membolehkan pengajaran, pembelajaran, kolaborasi dan pentadbiran mata pelajaran ini dijalankan

melalui Persekitaran Pembelajaran Maya (Frog VLE) yang berasaskan internet, yang boleh diakses di sekolah atau di mana jua dengan adanya sambungan Internet.

RUJUKAN

- Aszoura, M. S. (2007). *Keberkesanan kaedah pembelajaran berbantuan komputer (Penggunaan perisian power point interaktif) terhadap peningkatan penguasaan konsep sains dalam tajuk sel untuk sains tingkatan satu*. Serdang: Fakulti Sains Dan Pendidikan Asas Universiti Terbuka Malaysia.
- Norasiah, B. A., Nor Risah Jamilah, B. M., dan Rosnah, B. A. (2009). *Teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nurliana Izzaty, B. A. (2012). *Meningkatkan cara penerangan konsep sains guru dengan menggunakan microsoft PowerPoint berstruktur*. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Sabitha, M. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial* . Selangor: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Siti Marina, A. R. (2012). *Penggunaan powerpoint dalam meningkatkan kefahaman dan minat : Kajian tempatan tahun 6*. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu.
- Zulina, B. A. (2012). *Penggunaan powerpoint meningkatkan kemahiran mengingat : Kajian tempatan tahun lima* . Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu.

MENINGKATKAN AMALAN TINGKAH LAKU BERDISIPLIN MELALUI PENGGUNAAN SISTEM TOKEN EKONOMI BAGI MATA PELAJARAN PENDIDIKAN SIVIK DAN KEWARGANEGARAAN DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5 ARIF.

Oleh:

NUR IZZATI AISYAH BT ABDULLAH SANI
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat adakah penggunaan sistem token ekonomi dapat meningkatkan amalan tingkah laku berdisiplin dan juga minat serta motivasi murid bagi mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan di dalam bilik darjah. 4 orang sampel kajian dari sebuah sekolah di kawasan Cheras, Selangor telah dipilih bagi kajian ini. Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui sama ada penggunaan sistem token ekonomi dan juga peneguhan positif dapat membantu meningkatkan amalan tingkah laku berdisiplin di dalam bilik darjah. Tinjauan awal mendapati bahawa sampel kajian mempunyai masalah tingkah laku disruptif yang serius dan tidak mempunyai minat serta motivasi yang tinggi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Keputusan kajian menunjukkan bahawa para sampel kajian dapat meningkatkan amalan tingkah laku berdisiplin dan lebih berminat terhadap sesi pengajaran pengkaji di dalam bilik darjah. Cadangan kajian seterusnya adalah mengaplikasikan sistem token ekonomi ini secara berkumpulan dan juga menggunakan sistem demerit.

Kata kunci: Sistem token ekonomi, peneguhan positif, amalan tingkah laku berdisiplin, tingkah laku disruptif.

1.0 PENDAHULUAN

Pengurusan disiplin murid adalah salah satu tugas yang paling mencabar dan penting dalam sesebuah sekolah. Kebolehan dalam menangani salah laku murid dengan cekap dan efektif di samping meletakkan masalah ini pada tahap yang minimum boleh dianggap sebagai satu prasyarat dalam menghasilkan sekolah cemerlang. Sebagai seorang guru yang bertanggungjawab, kita hendaklah memastikan anak didik kita menghayati dan mematuhi disiplin agar peribadi dan akhlak mereka adalah yang terbaik seiring dengan pencapaian akademik mereka di sekolah bagi menjamin berlaku keseimbangan antara keperluan rohani dan jasmani mereka.

Setelah menjalani praktikum di tiga buah sekolah yang berbeza, pengkaji mendapati bahawa pembentukan dan pengamalan tingkah laku berdisiplin murid tidak berlangsung dengan jayanya. Semasa pengkaji menjalani praktikum di sebuah sekolah di Cheras, pengkaji mendapati murid kelas pengkaji mempunyai masalah disiplin yang sangat serius. Pertama kali pengkaji masuk ke kelas untuk mengajar, murid tersangatlah bising, berjalan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan suka mengganggu kawan.

Terdapat pelbagai kaedah dan teori yang boleh digunakan oleh guru untuk menarik minat dan perhatian murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian pengkaji iaitu Teori Behaviorisme yang dipelopori oleh B. F Skinner.

Menurut Teresa dan Jeanne (2007), sebagai pelopor perspektif yang dikenali sebagai *Behaviorisme*, B. F Skinner menyatakan bahawa seseorang kanak-kanak akan bertindak aktif jika terdapatnya ganjaran seperti makanan, pujian dan sentuhan fizikal dan seterusnya akan cuba mengelak dari melakukan perbuatan yang boleh membawa kepada hukuman. Konsep pelaziman operan yang turut diperkenalkan oleh beliau merujuk kepada satu proses yang beroperasi ke atas persekitaran.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati bahawa murid kelas pengkaji tidak menunjukkan amalan tingkah laku berdisiplin yang tinggi semasa berada di dalam bilik darjah walaupun pada dasarnya semua murid Tahun 5 telah mempelajari unit pertama mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan iaitu 'Hidup Berdisiplin'. Murid dapat menyatakan dengan tepat contoh-contoh amalan disiplin tetapi tidak dapat mempraktikkannya dengan baik di dalam bilik darjah.

Menurut Akhbar dan Shamsina (2012), murid yang bertingkah laku disruptif mampu menarik perhatian guru dan seterusnya menghalang guru daripada memberikan perhatian kepada murid-murid yang lain. Oleh yang demikian, penggunaan papan 'Kelakuan Saya' melalui pengaplikasian sistem token ekonomi berdasarkan peneguhan positif akan membantu mengawal bilangan tingkah laku disruptif di dalam bilik darjah. Dengan ini, semua murid juga berpeluang menerokai pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna.

Pengkaji menfokuskan kajian ini terhadap masalah amalan tingkah laku berdisiplin dalam kalangan sampel kajian. Pengkaji telah menyediakan satu papan yang dapat digunakan oleh semua murid termasuk sampel kajian untuk melekatkan stiker yang mereka perolehi atas amalan disiplin yang telah mereka tunjukkan. Kajian ini dijalankan selama 4 minggu bersamaan dengan 8 kali perjumpaan antara pengkaji dan juga sampel kajian.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif umum

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu meningkatkan amalan tingkah laku berdisiplin murid melalui pelaksanaan sistem token ekonomi.

3.2 Objektif khusus:

- Meningkatkan amalan tingkah laku berdisiplin di dalam bilik darjah dengan menggunakan papan 'Kelakuan Saya'.
- Meningkatkan minat dan motivasi murid terhadap aktiviti dan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah melalui peneguhan positif.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 4 orang sampel kajian murid berumur 11 tahun yang bersekolah di Sekolah T yang terletak di sekitar kawasan Cheras. Semua sampel kajian pengkaji adalah lelaki yang mana 2 daripadanya berbangsa Melayu, seorang berbangsa Cina dan seorang berbangsa India. Sampel kajian dipilih melalui tinjauan awal yang dilakukan oleh pengkaji melalui penggunaan kaedah temu bual bersama 3 orang guru berbeza, pemerhatian serta analisis dokumen.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan tiga kaedah utama iaitu kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan juga kaedah analisis dokumen bagi mengumpulkan maklumat awal tentang masalah yang sedang berlaku di dalam bilik darjah dan juga bagi menilai hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas sampel kajian. Proses intervensi pengkaji melibatkan pengaplikasian sistem token ekonomi dalam membantu meningkatkan amalan tingkah laku berdisiplin sampel kajian.

Ketika Kitaran I, pengkaji telah menggunakan 'Papan Kelakuan Saya' I yang mana papan ini dibahagikan mengikut bulan pengajaran pengkaji. Sampel kajian yang mendapat stiker akan melekatkan stiker di bawah bahagian bulan ketika stiker itu diperolehi. Sampel kajian boleh menukar stiker dengan ganjaran tertentu jika bilangan stiker mencukupi seperti yang tersenarai di dalam menu ganjaran.

Ketika Kitaran II, pengkaji telah mengubahsuai 'Papan Kelakuan Saya' I kepada 'Papan Kelakuan Saya' II yang mana sampel kajian mempunyai kolum masing-masing sebagai tempat pelekatan stiker. Pengkaji juga telah meneguhkan sesi intervensi dengan mengaplikasikan peneguhan positif di samping meningkatkan nilai menu ganjaran yang disediakan oleh pengkaji.

5.1 Cara pengumpulan data

Terdapat 3 instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal dan juga sepanjang kajian iaitu pemerhatian, temu bual dan juga analisis dokumen. Instrumen ini dipilih berasaskan keperluan dan kesesuaian dalam membantu pengkaji mengumpulkan data dari pelbagai sumber.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual dan juga analisis dokumen bagi meninjau masalah yang berlaku di dalam bilik darjah pengkaji. Setelah analisis tinjauan awal dijalankan, pengkaji dapat mengenal pasti jenis masalah tingkah laku yang dihadapi oleh murid iaitu tingkah laku disruptif. Selain itu pengkaji juga mendapati bahawa jika langkah mengatasi tidak dijalankan, murid akan berterusan dalam mengamalkan tingkah laku yang tidak diingini di dalam bilik darjah dan seterusnya mengganggu kelicinan proses pengajaran dan pembelajaran.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa proses intervensi pada Kitaran I dijalankan, pengkaji telah mengaplikasikan sistem token ekonomi melalui penggunaan 'Papan Kelakuan Saya' di dalam bilik darjah. Sampel kajian yang menunjukkan kelakuan berdisiplin akan diberikan satu stiker sebagai token. Stiker yang dimiliki akan terhapus jika sampel kajian menunjukkan kelakuan yang tidak berdisiplin. Stiker boleh ditukar dengan ganjaran pada akhir sesi intervensi.

Semasa proses intervensi pada Kitaran II, sistem token ekonomi masih lagi diaplikasikan tetapi diteguhkan lagi dengan pengaplikasian peneguhan positif ke atas sampel kajian di samping berlaku peningkatan nilai menu ganjaran. Sampel kajian yang menunjukkan kelakuan berdisiplin akan diberi pujian, rangsangan dan juga galakan di samping memperoleh stiker. Menurut Skinner dalam Ting dan Muhamad (2007), peneguhan positif merupakan apa jua rangsangan yang boleh menambahkan kebarangkalian sesuatu tingkah laku itu akan berlaku seperti pujian, makanan dan ganjaran.

5.4 Keputusan kajian

Pemerhatian

Jadual 1

Analisis data kekerapan tingkah laku disruptif sampel kajian

SAMPEL KAJIAN	TINGKAH LAKU DISRUPTIF					
	KITARAN/HARI					
	KITARAN I		KITARAN II		KITARAN II	
	Jumaat 11//7/14	Khamis 17/7/14	Jumaat 18/7/14	Khamis 24/7/14	Jumaat 25/7/14	Khamis 7/8/14
MF	15	13	9	4	2	1
MD	14	10	8	4	2	1
MM	15	12	10	7	5	2
MK	17	14	12	6	4	2

Analisis data pemerhatian dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa tingkah laku disruptif sampel kajian semakin menurun sepanjang proses intervensi berlangsung. Perbezaan yang ketara ini membuktikan keberkesanan proses intervensi yang telah dijalankan oleh pengkaji.

Pengkaji telah menyediakan satu borang senarai semak yang digunakan bagi mengukur tahap pengamalan disiplin dalam kalangan sampel kajian setiap kali semasa sesi intervensi berlangsung. Borang senarai semak tersebut ditanda oleh rakan pengkaji selaku pemerhati kedua. Terhadap 10 aspek yang telah diperhatikan oleh pemerhati kedua terhadap sampel kajian pengkaji.

Temu bual

Pengkaji telah menjalankan temu bual berstruktur terhadap 3 orang guru berbeza sebelum dan selepas proses intervensi dijalankan. Guru-guru tersebut merupakan guru kelas sampel kajian, guru disiplin dan juga guru praktikum yang sering menjadi guru ganti kelas tersebut.

Hasil data mentah daripada sesi temu bual berstruktur ini telah dirakam oleh pengkaji dan seterusnya perbualan antara pengkaji dengan para guru dipindahkan ke dalam bentuk transkripsi kemudian diterangkan semula ke dalam bentuk penulisan naratif.

Pengkaji telah mengkodkan serta mengkategorikan hasil temu bual kepada kepada tema-tema tertentu. Secara keseluruhan, para guru mendapati terdapat perubahan tingkah laku dalam diri sampel kajian yang mana ke arah positif dan para guru juga bersetuju akan keberkesanan pengaplikasian sistem token ekonomi dalam membantu meningkatkan amalan tingkah laku berdisiplin.

Analisis Dokumen

Pengkaji juga telah menganalisis borang senarai semak yang digunakan sepanjang tempoh intervensi. Terdapat sepuluh item di dalam borang ini yang diperhatikan oleh pemerhati kedua ke atas sampel kajian. Setiap item dianalisis bagi melihat pola tingkah laku disiplin sampel kajian sepanjang Kitaran I dan Kitaran II. Secara keseluruhan, sampel kajian dapat menurunkan amalan tingkah laku disruptif dan bertukar kepada amalan tingkah laku berdisiplin di dalam bilik darjah.

SEMASA PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)				
Item Tingkah Laku Disruptif	Kitaran/Kekerapan		Perbezaan	
	Kitaran I	Kitaran II		
1) Tidak patuh pada arahan	35	9	26	74.3%
2) Berbual semasa proses pengajaran dan pembelajaran	49	15	34	69.4%
3) Menjerit	9	4	5	55.5%
4) Membuat bunyi tidak sesuai	14	4	10	71.4%
5) Merayau di dalam bilik darjah	12	2	10	83.3%
6) Gagal mengawal rasa marah	4	0	4	100%
7) Gagal membawa buku	10	1	9	90%
8) Duduk dengan dua kaki kerusi	9	3	6	66.6%
9) Gagal menyiapkan tugas	7	1	6	85.7%
10) Tidak menghormati harta benda rakan	0	0	0	

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan dibuat oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian. Kajian ini melibatkan 6 sesi intervensi bermula 11 Julai 2014 sehingga 7 Ogos 2014.

Proses intervensi telah melibatkan pengaplikasian sistem token ekonomi dan juga peneguhan positif ke atas 4 orang sampel kajian. Tujuan sistem ini digunakan adalah untuk membantu meningkatkan amalan tingkah laku berdisiplin dalam diri keempat-empat sampel kajian di akhir kajian ini.

5.6 REFLEKSI

Pengkaji telah membuat banyak pembacaan berkaitan dengan Teori Behaviorisme, sistem token ekonomi dan juga peneguhan positif terutamanya bagi meningkatkan kejayaan kajian pengkaji memandangkan pada kitaran pertama keputusan kajian pengkaji tidak seperti pengkaji harapkan. Refleksi sendiri banyak dijalankan bagi menilai kelemahan kitaran pertama terutama dari segi pelaksanaan dan bagi membentuk proses intervensi yang baharu pada kitaran kedua.

Pengkaji mendapati bahawa jika sistem ini diaplikasikan secara individu, individu tersebut atau sampel kajian berasa bebas untuk bertingkah laku yang mereka inginkan tanpa perlu memikirkan akibat luaran.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Setelah pengkaji membuat penilaian terhadap hasil dapatan yang telah dianalisis dan juga kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti berhubung dengan kajian ini melalui refleksi sendiri, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji sebagai kesinambungan daripada kajian ini.

Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan bagi meningkatkan lagi keberkesanan kajian ini adalah dengan membuat penggabungjalinan dengan sistem demerit. Sistem demerit merupakan sebuah sistem yang memerlukan murid mengekalkan markah permulaan yang diberikan oleh guru iaitu contohnya 100 markah sepanjang fasa yang telah ditetapkan.

Selain itu, pengkaji menyarankan agar kajian seterusnya mengaplikasikan sistem token ekonomi ini secara berkumpulan berbanding secara individu. Menurut Redl dan Wattenberg (1951) dalam James (2014) menyatakan bahawa kelakuan murid berbeza apabila berada di dalam kumpulan berbanding dengan secara individu. Ekspektasi kumpulan dikatakan mempengaruhi perlakuan individu dan perlakuan individu pula mempengaruhi perlakuan kumpulan. Dengan ini, setiap ahli kumpulan akan sentiasa mengingatkan antara satu sama lain agar sentiasa berdisiplin bagi mengelakkan stiker mereka ditarik atau tidak diberikan stiker oleh pengkaji.

Terakhir, pengkaji menyarankan pengaplikasian sistem token ekonomi digabungjalin dengan peneguhan negatif. Menurut Skinner dalam Haliza dan Joy (2014), peneguhan negatif ialah penarikan sesuatu yang disukai murid bagi meningkatkan pengamalan tingkah laku yang diingini. Contohnya, jika murid atau sampel kajian tidak mendengar arahan yang dikeluarkan oleh pengkaji, aktiviti permainan dalam kumpulan akan dibatalkan. Dengan ini, mereka akan berusaha mengekang diri dari berkelakuan negatif bagi memastikan mereka dapat menyertai aktiviti kegemaran mereka yang dikelolakan oleh pengkaji di dalam bilik darjah.

RUJUKAN

- Akhiar Pardi dan Shamsina Shamsuddin. (2012). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel. (2014). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- James Ang Jit Eng. (2014). *Pengurusan Bilik Darjah*. Batu Caves, Selangor: PTS Akademia.
- Teresa M. McDevit, Jeanne Ellis Ormrod. (2007). *Child Development and Education*. Columbus, Ohio: Merrill Prentice Hall.
- Ting L. S. dan Muhamad Sidek Said. (2007). *Ingin Menjadi Guru?*. Puchong, Selangor: Ilmu Media Trade.

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 5 CEKAP DALAM TAJUK CUACA DAN IKLIM MENGGUNAKAN PETA PEMIKIRAN I-THINK(PETA BUIH DAN PETA POKOK)

Oleh:

NUR 'IZZATI BINTI AHMAD SUBRI
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Cepak dalam tajuk Cuaca dan Iklim menggunakan peta pemikiran i-Think(peta buih dan peta pokok). 4 orang responden di sebuah sekolah di Kuala Lumpur telah dipilih dalam kajian ini. Fokus kajian ini bertujuan untuk melihat adakah penggunaan peta pemikiran i-Think dapat meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Cepak dalam tajuk Cuaca dan Iklim. Tinjauan awal mendapati murid mempunyai masalah untuk mengingat fakta tentang tajuk tersebut. Intervensi telah dijalankan ke atas subjek kajian dan keputusan yang diperoleh sangat memberangsangkan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran i-Think (peta buih dan peta pokok) dapat meningkatkan pencapaian murid dalam tajuk Cuaca dan Iklim.

Kata kunci: Peta pemikiran i-Think

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur, pengkaji mendapati murid-murid lemah dalam topik Cuaca dan Iklim terutamanya bagi subtopik ciri-ciri dan faktor yang mempengaruhi cuaca dan iklim. Pengkaji mendapati murid tidak menguasai topik ini dengan baik berdasarkan analisis tinjauan awal yang dijalankan oleh pengkaji.

Terdapat pelbagai kaedah dan teori yang boleh digunakan oleh guru untuk meningkatkan keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran sekaligus dapat meningkatkan prestasi murid dalam peperiksaan. Pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian ini iaitu teori kognitif David Ausubel. Beliau mempelopori konsep *advanced organizer* dan pembelajaran bermakna.

2.0 FOKUS KAJIAN

Masalah yang dikenal pasti oleh pengkaji ialah murid – murid menghadapi masalah untuk mengingat fakta atau isi penting tentang topik yang dipelajari. Hal ini kerana murid tidak mempunyai satu cara yang mudah dan menarik untuk digunakan bagi mengatasi masalah tersebut. Mereka kelihatan bosan, pasif dan tidak mahu memberi respon apabila diajukan soalan. Selain itu, mereka juga tidak menumpukan perhatian terhadap pembelajaran yang sedang berlangsung. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji menggunakan peta pemikiran i-Think (peta buih dan peta minda) sebagai intervensi yang dijalankan dalam kajian ini.

Pengkaji memfokuskan kajian ini kepada murid Tahun 5 yang terdiri daripada 4 orang responden. Murid Tahun 5 dapat mengaplikasikan penggunaan peta pemikiran i-Think apabila mereka menginjak ke Tahun 6. Mereka dapat menggunakan peta pemikiran i-Think untuk subjek-subjek yang lain juga bagi memudahkan mereka menguasai sesuatu topik.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Objektif umum bagi kajian ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Cepak bagi mengingat ciri-ciri dan faktor dalam tajuk Cuaca dan Iklim menggunakan peta pemikiran i-Think(peta buih dan peta pokok).

3.2 Objektif Khusus:

- Murid dapat menghasilkan dua jenis peta pemikiran i-Think(peta pokok dan peta buih) bagi subtopik ciri-ciri dan faktor yang mempengaruhi cuaca dan iklim di Malaysia.
- Keberkesanan penggunaan dua jenis peta pemikiran i-Think(peta pokok dan peta buih) untuk meningkatkan pencapaian murid dalam subtopik cuaca dan iklim di Malaysia.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini dijalankan di Sekolah X. Seramai empat orang murid telah dikenal pasti untuk kajian tindakan ini (tiga orang perempuan dan seorang lelaki). Subjek kajian terdiri daripada tiga orang berbangsa Melayu (seorang lelaki dan dua orang perempuan) dan seorang perempuan berbangsa Cina. Subjek kajian ini datang dari latar belakang keluarga yang sederhana.

5.0 PERLAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti pemerhatian (berstruktur dan tidak berstruktur), ujian (ujian pra, ujian pencapaian dan ujian pasca) dan analisis dokumen untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah menggunakan peta pemikiran i-Think untuk meningkatkan pencapaian dalam topik Cuaca dan Iklim.

5.1 Cara mengumpul data/maklumat

Pengkaji mengumpul data menggunakan tiga instrumen iaitu pemerhatian tidak berstruktur, analisis dokumen dan ujian diagnostik dalam tinjauan awal. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini kerana dilihat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.

5.2 Analisis tinjauan awal


Analisis tinjauan awal mendapati beberapa orang murid lemah dalam topik Cuaca dan Iklim. Oleh yang demikian, seramai empat orang subjek kajian telah dipilih berdasarkan analisis tinjauan awal yang dijalankan oleh pengkaji.

5.3 Tindakan menangani masalah

Pengkaji telah merancang untuk menjalankan intervensi kitaran pertama dengan memperkenalkan peta pemikiran i-Think kepada subjek kajian. Pengkaji menjalankan dua aktiviti bagi memperkenalkan dua jenis peta pemikiran i-Think iaitu peta pokok dan peta buih. Bagi setiap aktiviti, pengkaji memperkenalkan satu jenis sahaja peta pemikiran i-Think, memberikan contoh dan seterusnya subjek kajian akan menghasilkan sendiri peta pemikiran i-Think tersebut.

Intervensi kitaran pertama ini dilaksanakan dalam dua sesi yang berlangsung selama setengah jam bagi setiap sesi. Bagi kitaran kedua pula, pengkaji telah menambah baik intervensi dengan mengintegrasikan gambar dengan peta pemikiran i-Think. Gambar yang digunakan merupakan gambar-gambar yang mempunyai kaitan dengan topik Cuaca dan Iklim.


5.4 Keputusan Kajian



Rajah 1 Perbandingan Peratusan Ujian Pra dan Pasca Bagi Setiap Peserta Kajian

Berdasarkan Rajah 1, terdapat perbezaan dalam peratusan sewaktu ujian pra dan ujian pasca. Ketika ujian pra, R1, R2, R3, dan R4 masing-masing hanya memperoleh markah sebanyak 39%, 25%, 56%, dan 20%. Keputusan ujian pra ini jelas menunjukkan pencapaian yang lemah dan sederhana dalam subtopik ciri-ciri dan faktor yang mempengaruhi cuaca dan iklim. Markah ketika ujian pasca telah meningkat setelah intervensi dijalankan. R1, R2, R3 dan R4 masing-masing memperoleh markah 88%, 85%, 83% dan 79%. Keputusan ujian pasca ini menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran i-Think membantu meningkatkan pencapaian murid.


Ujian pencapaian



Rajah 2 Markah Ujian Pencapaian

Secara keseluruhannya, berdasarkan Rajah 2, keputusan ujian pencapaian bagi R1, R2, R3 dan R4 sangat cemerlang.

Pemerhatian



Rajah 3 Perbandingan Keputusan Pemerhatian Dalam Kitaran Pertama dan Kitaran Kedua

Berdasarkan Rajah 3, pengkaji menggunakan senarai semak bagi pemerhatian berstruktur ketika menjalankan intervensi dalam kitaran pertama dan kitaran kedua. Hasil keputusan menunjukkan terdapat sedikit perbezaan sahaja antara kitaran pertama dan kitaran kedua. Hal ini menunjukkan bahawa intervensi yang dijalankan menggunakan peta pemikiran i-Think dapat membantu murid meningkatkan pencapaian dalam topik Cuaca dan Iklim.

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data yang diperoleh dalam keputusan kajian. Pengkaji telah menyiapkan kajian yang dilaksanakan ini pada 2 September 2014. Kajian ini melibatkan tempoh intership yang dijalankan selama sebulan iaitu bermula dari 7 Julai 2014 sehingga 8 Ogos 2014.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa subjek kajian berjaya menghasilkan peta buih dan peta pokok dalam kitaran pertama dan melakukan penambahbaikan dalam kitaran kedua. Selain itu, markah yang diperoleh dalam ujian pencapaian membuktikan bahawa peta minda sangat berkesan untuk membantu subjek kajian menjawab soalan tentang ciri-ciri dan faktor yang mempengaruhi cuaca dan iklim dengan tepat ketika pengkaji menjalankan ujian pencapaian. Dapatan pengkaji membuktikan bahawa penggunaan peta pemikiran i-Think dapat meningkatkan pencapaian murid Tahun 5 Cepak dalam tajuk Cuaca dan Iklim. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan-dapatan kajian yang lain seperti yang pernah dijalankan oleh Abdul Rahim (2000), Riswanto *et. al* (2012), Rohana (2008), Yong(2008) serta Zahara dan Nurliah (2009). Mereka menyimpulkan bahawa penggunaan peta minda (i-Think) ini dapat meningkatkan pencapaian subjek kajian yang terlibat.

5.6 Refleksi

Kekuatan yang dikenal pasti ialah kajian ini berjaya mencapai objektif yang digariskan oleh pengkaji. Pengkaji juga berjaya menjalankan dua kitaran ketika menjalankan internship di sekolah walaupun dibebani dengan tugas projek yang perlu dilaksanakan oleh pengkaji. Selain itu juga, pengkaji mendapat kerjasama yang begitu baik daripada pihak pentadbir dan guru-guru ketika menjalankan kajian ini. Pengkaji mendapati kelemahan dalam kajian ini ialah pengkaji tidak dapat menjalankan kajian tindakan ke atas semua murid di sekolah disebabkan batasan kajian pengkaji hanya berfokuskan kepada masalah yang berlaku di dalam kelas sahaja. Kajian tindakan yang biasanya dijalankan oleh para guru untuk meningkatkan amalan pengajarannya di dalam kelas (Kartini *et. al*, 2012). Penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pengkaji ialah pengkaji berharap dapat menjalankan kajian ini dengan menggunakan bantuan ICT. Penggunaan ICT perlu diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini juga diharap dapat menyumbang kepada aspirasi murid seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan di Malaysia 2013-2015 (PPPM).

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji membuktikan bahawa penggunaan peta pemikiran i-Think dapat meningkatkan pencapaian peserta kajian dalam subtopik ciri-ciri dan faktor yang mempengaruhi cuaca dan iklim. Cadangan kajian tindakan yang seterusnya, pengkaji bercadang untuk menggunakan perisian(*software*) peta minda yang boleh dimuat turun secara percuma di Internet. Terdapat pelbagai jenis perisian peta minda yang boleh didapati di Internet seperti *ThinkBuzan*, *Edward Mind Map*, *Xmind.com*, *Mind Maple* dan banyak lagi. Penggunaan bahan teknologi bukan sahaja dapat melahirkan murid yang celik IT(*Information Technology*) malah dapat mendedahkan murid kepada realiti kehidupan sebenar apabila mereka sudah bekerja nanti. Hampir semua pekerjaan memerlukan pengetahuan dan kemahiran tentang IT. Cadangan penggunaan perisian ini juga sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025(PPPM) yang menggariskan agar penggunaan ICT(*Information and Communication Technology*) diperluaskan dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, sebagai menyahut seruan PPPM ini, pengkaji mengusulkan cadangan ini untuk kajian pada masa akan datang. Di Malaysia, tidak banyak kajian tentang penggunaan peta minda dilaksanakan di negara ini. Berbeza dengan negara luar, pengkaji Al-Jarf (2011) menggunakan perisian peta minda dalam sebagai alat kajiannya dan hasilnya sangat memberangsangkan.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Ghazali. (2000). *Penggunaan peta konsep: Panduan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: PTS Media Sdn. Bhd.
- Al-Jarf, R. (2009). *Enhancing freshman students' writing skills with a mind mapping software. Paper presented at the 5th International Scientific Conference, eLearning and Software for Education, Bucharest, April 2009.*
- Amanda Ting Yii. (2009). *Penggunaan peta minda dalam meningkatkan kefahaman murid Tahun 5 bagi menguasai konsep Sains*. Jurnal Penyelidikan Tindakan , 1-15.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2013.
- Diane Murley. (2007). *Mind Mapping Complex Information*. 1-9.
- Kartini Abdul Mutalib *et. al.* (2012). *Menguasai Penyelidikan Tindakan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Omar bin Abu. (1992). *Falsafah pendidikan kebangsaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Riswanto *et. al.* (2012). *The use of mind mapping strategy in the teaching of writing at SMAN 3 Bengkulu, Indonesia*. International Journal of Humanities and Social Science

MENGLASIFIKASIKAN BENTUK MUKA BUMI DENGAN MENGGUNAKAN SIMBOL BERGAMBAR BAGI MATA PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN DALAM KALANGAN MURID TAHUN 5

Oleh :

NUR NAZIHAH BINTI ABD KARIM
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk menilai sejauhmanakah keberkesanan penggunaan simbol bergambar dalam meningkatkan penguasaan mengklasifikasikan bentuk muka bumi dalam kalangan murid Tahun 5. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 6 orang murid Tahun 5 Cerdik yang menunjukkan prestasi sederhana dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Data dikumpulkan melalui ujian pra dan ujian pasca, ujian penilaian, pemerhatian, soal selidik dan dokumen analisis. Hasil analisis data mendapati bahawa semua subjek kajian menunjukkan peningkatan markah yang ketara dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Keputusan ujian menunjukkan bahawa penggunaan simbol bergambar dapat meningkatkan penguasaan mengklasifikasikan bentuk muka bumi malah menunjukkan peningkatan prestasi selepas intervensi menggunakan kaedah simbol bergambar.

Kata kunci: Mengklasifikasikan bentuk muka bumi, simbol bergambar

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum, pengkaji mendapati murid Tahun 5 menghadapi masalah dalam mengingat fakta dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Oleh kerana murid tidak dapat mengingat fakta-fakta tersebut, mereka menghadapi masalah dalam mengklasifikasikan bentuk muka bumi berdasarkan jenis dan kepentingannya. Akibatnya, hasil pengajaran tidak dapat dicapai seperti mana yang ditetapkan.

Murid-murid juga menunjukkan prestasi yang tidak memuaskan dalam Ujian 1 dan Ujian Pertengahan Tahun bagi mata pelajaran Kajian Tempatan. Pengkaji telah menjalankan Ujian Kecerdasan Pelbagai dan mendapati murid-murid Tahun 5 Cerdik cenderung kepada kecerdasan visual-ruang. Pada mulanya pengkaji bingung dalam mencari penyelesaian bagi masalah ini, namun pengajaran bersama kelas tersebut telah memberi ilham kepada pengkaji untuk menggunakan beberapa contoh gambar bersimbol dan hasilnya amat memberangsangkan. Pengkaji telah mengenal pasti Teori Pembentukan Konsep Bruner dan Teori Kecerdasan Pelbagai Visual-ruang untuk digunakan dalam kajian ini.

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji mendapati murid-murid Tahun 5 Cerdik menghadapi masalah dalam mengingat fakta penting bagi mata pelajaran Kajian Tempatan. Pengkaji hanya memfokuskan kepada topik Bentuk Muka Bumi dan kepentingannya dalam kajian yang dijalankan. Ini bagi membantu murid dalam meningkatkan penguasaan dalam topik Bentuk Muka Bumi berdasarkan jenis dan kepentingannya dengan betul di samping membantu meningkatkan prestasi murid dalam topik tersebut. Kajian ini juga difokuskan kepada murid Tahun 5 Cerdik yang mempunyai prestasi yang rendah dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Mengklasifikasikan bentuk muka bumi dengan menggunakan simbol bergambar bagi mata pelajaran Kajian Tempatan dalam kalangan murid Tahun 5.

3.2 Objektif Khusus

- Murid dapat mengklasifikasikan bentuk muka bumi dengan menggunakan simbol bergambar.
- Meningkatkan prestasi murid terhadap topik Bentuk Muka Bumi menggunakan kaedah simbol bergambar.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan enam orang murid tahun 5 Cerdik yang terdiri daripada empat orang murid lelaki dan dua orang murid perempuan berbangsa Melayu, Cina dan India. Murid-murid yang dipilih ini mempunyai tahap pembelajaran yang sederhana dalam bidang akademik. Kelas Tahun 5 Cerdik merupakan kelas ketiga bagi tahun 5. Dua orang murid berbangsa India mempunyai masalah dalam komunikasi kerana kurang memahami istilah atau perkataan dalam bahasa melayu seperti perkataan perindustrian.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen kajian seperti ujian, pemerhatian, soal selidik dan dokumen analisis bagi mendapatkan data. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah simbol bergambar bagi membantu subjek kajian meningkatkan penguasaan mengklasifikasikan bentuk muka bumi.

5.1 Cara mengumpulkan data/maklumat

Empat kaedah kajian telah digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ini iaitu ujian, pemerhatian, soal selidik dan dokumen analisis. Tiga ujian telah dijalankan ke atas subjek kajian iaitu ujian pra, ujian penilaian dan ujian pasca untuk pengumpulan data. Pengkaji menggunakan jadual senarai semak pemerhatian semasa intervensi kitaran 1 dan kitaran 2 dijalankan. Borang soal selidik telah diberikan kepada subjek kajian selepas intervensi kitaran 1 dan kitaran 2 bagi melihat keberkesanan kaedah dan pengajaran guru sepanjang intervensi. Pengkaji juga telah menganalisis dokumen seperti lembaran kerja dan buku latihan sebelum dan selepas kajian ini dilaksanakan.

5.2 Analisis tinjauan awal

Pengkaji telah menjalankan satu Ujian Kecerdasan Pelbagai bagi mengenalpasti kecenderungan kecerdasan yang dimiliki oleh murid-murid Tahun 5 Cerdik. Pengkaji mendapati 78% murid Tahun 5 Cerdik cenderung ke aras kecerdasan pelbagai visual-ruang. Satu temu bual bersama guru mata pelajaran Kajian Tempatan telah dijalankan bagi mengenal pasti dengan lebih jelas masalah yang sering dihadapi oleh guru dan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung. Analisis terhadap Ujian 1 dan Ujian Pertengahan Tahun menunjukkan prestasi murid Tahun 5 yang sangat tidak memuaskan bagi mata pelajaran Kajian Tempatan dan diakui sendiri oleh guru mata pelajaran tersebut.

5.3 Tindakan menangani masalah


Pengkaji terlebih dahulu perlu menyediakan kad-kad simbol bergambar yang akan digunakan semasa intervensi sebagai perlambangan bagi gambar-gambar statik sebenar yang mewakili jenis-jenis bentuk bumi dan kepentingan bagi setiap jenis bentuk muka bumi. Simbol-simbol yang akan digunakan perlu bersesuaian dengan gambar sebenar dan mencirikan kepada jenis atau kepentingan bentuk muka bumi.

Semasa tindakan fasa pertama, pengkaji terlebih dahulu memperkenalkan simbol-simbol bergambar sebagai perlambangan jenis dan kepentingan bentuk muka bumi yang akan digunakan semasa kajian ini dijalankan. Kemudian pengkaji telah menggunakan simbol bergambar dengan cara mengklasifikasikan kepentingan bentuk muka bumi mengikut jenisnya dalam bentuk kelompok. Pengkaji mendapati murid dapat mengingat jenis bentuk muka bumi tetapi menghadapi masalah dalam membanding beza dan mengklasifikasikan dengan tepat berdasarkan jenis dan kepentingannya. Pada kitaran kedua pengkaji menggunakan jadual berstruktur untuk memberikan gambaran yang lebih jelas kepada subjek kajian bagi mengklasifikasikan bentuk muka bumi. Pengkaji

mendapati murid dapat mengklasifikasikan kepentingan dan membanding beza kepentingan bagi setiap bentuk muka bumi dengan betul.

5.4 Keputusan kajian

Keputusan dalam Rajah 1 menunjukkan dengan lebih jelas berlaku peningkatan markah dalam ujian pasca berbanding ujian pra. SK5 menunjukkan peningkatan yang paling tinggi iaitu sebanyak 55% daripada 15% (ujian pra) kepada 60% (ujian pasca). Manakala SK2 menunjukkan peningkatan paling sedikit iaitu 15%. Perbezaan yang ketara antara ujian pra dan ujian pasca menunjukkan keberkesanan yang positif terhadap intervensi yang dijalankan kerana berjaya menunjukkan peningkatan prestasi dalam menguasai topik bentuk muka bumi.




Rajah 1. Perbandingan antara Ujian Pra dan Ujian Pasca

Pemerhatian

Pengkaji menggunakan borang senarai semak semasa menjalankan pemerhatian berstruktur ketika menjalankan intervensi kitaran 1 dan semasa kitaran 2 bagi mengenalpasti keberkesanan kaedah yang digunakan. Pemerhatian dijalankan ke atas keenam-enam subjek kajian dan mendapati kesemua subjek kajian menunjukkan perubahan yang positif terhadap kaedah penggunaan simbol bergambar yang digunakan dalam kajian ini. Perbezaan keputusan yang diperolehi melalui analisis senarai semak menunjukkan berlaku perubahan dari segi tingkah laku dan kefahaman murid setelah kajian kitaran 2 dijalankan. Subjek kajian juga menunjukkan peningkatan penguasaan dalam mengklasifikasikan bentuk muka bumi berdasarkan jenis dan kepentingannya.

Soal selidik

Selepas intervensi dijalankan, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik yang menggunakan skala 'ya' atau 'tidak' kepada subjek kajian bagi menilai keberkesanan intervensi yang telah dijalankan pada kedua-dua kitaran. Item-item yang diperhatikan diklasifikasikan dengan menggunakan fokus simbol bergambar, proses pengajaran dan pembelajaran, kefahaman dan ujian. Subjek kajian memberikan respon yang positif pada kitaran 2 berbanding soal selidik yang dijalankan semasa kitaran 1.



Rajah 2. Peratusan perbezaan kekerapan ya antara kitaran 1 dan kitaran 2

Dokumen analisis

Pengkaji menggunakan jadual interpretasi sebagai instrumen penelitian dokumen untuk menunjukkan perkembangan yang dilakukan oleh subjek kajian. Data diambil melalui buku nota dan latihan-latihan yang diberikan bagi menyokong hasil dapatan kajian. Penelitian dibuat ke atas semua subjek kajian bagi mengelakkan bias. Setelah kajian dijalankan bagi meningkatkan penguasaan mengklasifikasikan bentuk muka bumi, subjek kajian telah mengaplikasikan kaedah yang diajar semasa kajian dijalankan iaitu mengklasifikasikan nota dengan menggunakan jadual dan simbol bergambar untuk meningkatkan daya ingatan.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan dibuat bagi menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data keputusan kajian yang dikumpulkan sepanjang intervensi ini dijalankan. Berdasarkan peningkatan yang ketara dalam ujian pasca dari ujian pra menunjukkan bahawa penggunaan kaedah simbol bergambar berjaya membantu meningkatkan prestasi murid dalam topik Bentuk Muka Bumi bagi mata pelajaran Kajian Tempatan. berdasarkan keputusan kajian melalui pemerhatian, soal selidik dan dokumen analisis yang dijalankan ke atas subjek kajian juga menunjukkan keberkesanan penggunaan kaedah simbol bergambar dalam membantu meningkatkan penguasaan mengklasifikasikan bentuk muka bumi berdasarkan jenis dan kepentingannya. Penggunaan simbol bergambar juga membantu murid dalam mengingat fakta penting bagi topik bentuk muka bumi. Oleh itu, prestasi murid dalam topik ini berjaya ditingkatkan.

5.6 Refleksi

Subjek kajian semakin seronok untuk mempelajari mata pelajaran Kajian Tempatan yang sebelum ini kurang menarik kerana dikatakan bukan mata pelajaran teras di sekolah. Penggunaan kad simbol bergambar berjaya menarik minat murid berbanding sebelum intervensi, guru hanya memberi penerangan tanpa menggunakan bahan bantu mengajar. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Rahim dan Hayazi (2010) yang menyatakan penggunaan alat bantu mengajar mampu menarik minat murid dan memudahkan penyampaian guru semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Selepas intervensi dijalankan, pengkaji mendapati murid telah dapat mengaplikasikan penggunaan simbol bergambar dan jadual berstruktur dalam membantu mereka membuat nota bagi mata pelajaran Kajian Tempatan. Ini juga memudahkan mereka untuk mengulang kaji nota yang telah dibuat dalam buku latihan kerana lebih ringkas, menarik dan mudah difahami. Oleh itu, murid dapat menunjukkan prestasi yang baik dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pengkaji berpendapat sekiranya pada kajian yang seterusnya, pengkaji menggunakan simbol bergambar dalam bentuk interaktif dengan bantuan penggunaan teknologi maklumat seperti penggunaan video dan tayangan slaid akan lebih menarik minat murid. Murid pada masa kini telah didedahkan dengan teknologi dan lebih ke depan dalam penggunaan teknologi. Menurut Mok (2010), pembelajaran menggunakan bahan interaktif menggunakan grafik yang tidak hanya terdiri daripada grafik statik. Sebaliknya turut mengandungi grafik yang bergerak.

Selain itu, pengkaji mencadangkan simbol-simbol bergambar tersebut dimasukkan bersama ke dalam nota peta minda agar menjadikan nota yang dibuat kelihatan lebih menarik dan mudah untuk difahami ketika membuat ulang kaji. Menurut Hasnah (2008), penggunaan peta minda dapat meningkatkan daya ingatan murid dalam sesuatu topik dengan lebih baik berbanding dengan nota berbentuk linear.

RUJUKAN

Abdul Rahim Hamdan dan Hayazi Mohd Yasin. (2010). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) di Kalangan Guru-guru Teknikal di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Baharu*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

Femi Olivia. (2010). *Rangsangan Minda Dengan Sistem Biolerning*. Kuala Lumpur: Casa Delima Sdn. Bhd.

Hasnah Musa. (2008). *Cemerlang Sejarah Dengan Peta Minda*. Jurnal Pradigma, 7, 36-44.

Poh, S.W. (2005). *Kemahiran Berfikir: Kurikulum Kursus Persediaan Program Sarjana Muda Pendidikan*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Wan Hasmah Wan Mamat dan Nur Munirah Teoh Abdullah. (2013). *Kecerdasan Pelbagai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MEMBANTU MURID 5 BAKAWALI MENINGKATKAN MARKAH UJIAN DALAM TOPIK PETA ASIA TENGGARA MENGGUNAKAN KAEDAH MNEMONIK

Oleh :

RABIATUL ASHYIQIN BINTI AHMAD ZAINNIE
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan bertujuan meninjau sejauh mana keberkesanan kaedah pengajaran guru dengan menggunakan kaedah mnemonik terhadap pencapaian murid dalam mengingat nama negara Asia Tenggara dan mengenal pasti kedudukannya pada peta Asia Tenggara. Kajian ini disasarkan kepada 5 orang murid Tahun 5 Bakawali di Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan dua langkah utama iaitu kaedah mnemonik untuk mengingat nama-nama Negara Asia Tenggara dan teknik lakaran diagram menggunakan nombor bagi mengenal pasti kedudukan setiap negara Asia Tenggara pada peta. Tinjauan awal telah dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan pemerhatian. Data dikumpulkan melalui kaedah Ujian Pra dan Pasca, pemerhatian dan soal selidik. Kaedah mnemonik digunakan dalam menyelesaikan masalah mengenali Peta Asia Tenggara. Secara keseluruhannya, keputusan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan pengajaran menggunakan kaedah mnemonik berjaya meningkatkan markah ujian dalam topik Peta Asia Tenggara.

Kata kunci : Kaedah mnemonik, PdP, peta Asia Tenggara

1.0 PENGENALAN

Semasa menjalani praktikum selama 3 bulan di Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Selatan, pengkaji mendapati bahawa beberapa orang murid tahun 5 Bakawali amat lemah dalam topik Peta Asia Tenggara. Murid tahun 5 Bakawali mempunyai masalah dalam mengingat dan mengenal pasti lokasi kedudukan sesuatu negara pada peta. Masalah ini timbul berikutan pelbagai punca. Antaranya ialah murid mengalami kesukaran untuk mengingati fakta iaitu senarai nama negara Asia Tenggara serta kedudukan pada peta Asia Tenggara. Selain itu, murid tidak menumpukan perhatian semasa PdP dilaksanakan. Melalui pemerhatian yang dilakukan, murid didapati berbual-bual sesama sendiri, bermain dan tidak mengendahkan apa yang diajar oleh guru di hadapan kelas. Akibat daripada tidak memberi tumpuan terhadap PdP, murid tidak dapat memahami topik yang diajar dengan baik seterusnya mendapat pencapaian yang kurang memuaskan dalam topik Peta Asia Tenggara. Menurut Cindy dan Mary dalam Radzi (2013), ingatan merupakan proses kebolehan manusia untuk menerima maklumat, memproses, dan menyimpannya dalam otak kemudian mengeluarkannya ketika diperlukan. Pengkaji mengambil inisiatif untuk menggunakan kaedah mnemonik bagi mengatasi masalah ini. Berdasarkan kajian Jeffrey dan Cynthia (2011), mnemonik adalah suatu cara untuk meningkatkan memori dan membina maklumat dengan lebih berkesan.

2.0 FOKUS KAJIAN

Perkembangan kemahiran kanak-kanak sekolah rendah dalam membina strategi pembelajaran yang kukuh amat penting kerana pada peringkat ini keseimbangan pencapaian pendidikan dan penerimaan terhadap ilmu adalah pada tahap yang sama. Kanak-kanak perlu menguasai dan menghalusi beberapa kemahiran yang khusus di alam persekolahan. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (2005), tanpa penguasaan ini, maka mereka akan gagal seterusnya membawa rasa rendah diri dan tiada keupayaan untuk meneruskan pembelajaran. Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti bahawa murid-murid tidak dapat menguasai kemahiran mengingat dan mengenal pasti kedudukan negara Asia Tenggara pada peta. Pengkaji mengalami kesukaran melatih murid-murid Tahun 5 Bakawali mengingat nama-nama negara Asia Tenggara yang terdiri daripada sebelas buah negara. Pengkaji juga mengalami kesukaran melatih murid-murid Tahun 5 Bakawali menguasai kemahiran mengenal pasti kedudukan negara-negara Asia Tenggara pada peta Asia Tenggara dengan cara melabel peta. Hal ini juga menyebabkan pengkaji mengalami kesukaran untuk meningkatkan markah ujian murid Tahun 5 Bakawali dalam topik Peta Asia Tenggara.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Umum

Kajian ini dijalankan adalah untuk membantu murid 5 Bakawali meningkatkan markah ujian dalam topik Peta Asia Tenggara menggunakan kaedah mnemonik.

Objektif Khusus

Objektif khusus bagi kajian ini ialah murid dapat :

- Menyenaraikan nama-nama negara Asia Tenggara dengan betul menggunakan kaedah mnemonik.
- Melabel nama-nama negara Asia Tenggara pada peta dengan tepat menggunakan kaedah mnemonik.
- Meningkatkan markah ujian pasca berbanding ujian pra dalam topik Peta Asia Tenggara dengan menggunakan kaedah mnemonik.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan 5 orang murid Tahun 5 Bakawali berumur 11 tahun yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Selatan. 2 orang subjek kajian adalah lelaki manakala 3 lagi subjek kajian adalah perempuan. Kelima-lima subjek berbangsa Melayu. Tahap pencapaian 2 subjek kajian adalah lemah dan 3 subjek kajian adalah sederhana.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa intrumen seperti Ujian Pra dan Pasca, pemerhatian dan soal selidik untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji juga telah menggunakan ujian pengukuhan untuk memastikan intervensi yang dijalankan berjaya.

5.1 Cara Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data dipilih oleh pengkaji dengan teliti agar intervensi yang dijalankan dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kaedah yang dipilih oleh pengkaji ini juga adalah untuk menilai tumpuan subjek serta kefahaman subjek tentang topik yang diajar sebelum dan selepas aplikasi PdP teknik mnemonik dalam topik Peta Asia Tenggara.

5.2 Cara Analisis Data

Ujian yang telah dijalankan semasa kajian ini adalah Ujian Pra dan Ujian Pasca. Data ujian tersebut telah dianalisis dengan menggunakan skor pemarkahan analitik dalam bentuk peratusan markah. Kedua-dua ujian ini dijalankan untuk menilai kemampuan subjek kajian menyenaraikan nama negara Asia Tenggara dan melabel kedudukannya pada peta Asia Tenggara dengan tepat. Pemerhatian pula telah dijalankan secara berstruktur semasa proses intervensi manakala soal selidik pula dijalankan selepas intervensi selesai dijalankan oleh pengkaji.

5.3 Tindakan Menangani Masalah


Semasa menjalankan kitaran kajian pertama, pengkaji telah merangka satu kaedah pengajaran sebagai medium untuk memperkenalkan kaedah mnemonik kepada subjek kajian terlebih dahulu dan kemudiannya, pengkaji telah memperkenalkan ayat mnemonik bagi membantu subjek kajian mengingat nama dan kedudukan negara Asia Tenggara pada peta iaitu '*My Vi Langgar Tok Ki Man Sampai F B I Tahan*'. Ayat yang dibentuk ini adalah untuk menggantikan sebelas nama negara Asia Tenggara yang terdiri daripada Myanmar, Vietnam, Laos, Thailand, Kemboja, Malaysia, Singapura, Filipina, Brunei, Indonesia dan Timor Laste. Setelah beberapa kali latihan mengingat ayat mnemonik, pengkaji menguji subjek dengan latihan pengukuhan yang memerlukan subjek menyenaraikan nama negara Asia Tenggara dan melabel peta Asia Tenggara. Pengkaji mendapati bahawa subjek dapat

menyenaraikan nama negara Asia Tenggara dengan baik namun subjek tidak dapat melabel peta menggunakan kaedah mnemonik yang diajar.

Sebagai penambahbaikan, pengkaji telah menjalankan kitaran kajian kedua iaitu pengkaji menggunakan kaedah diagram. Pengkaji meletakkan nombor pada diagram peta berdasarkan kedudukan negara dari arah Utara ke Selatan dan dari Barat ke Timur menggunakan ayat mnemonik yang sama. Intervensi kedua ini dilaksanakan beberapa kali sebagai latihan kepada subjek agar subjek kajian dapat menyenaraikan nama negara Asia Tenggara dan seterusnya melabel peta dengan baik.

5.4 Keputusan Kajian

Ujian



Rajah 2. Perbandingan Peratus Markah Subjek dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca dalam Rajah 2 menunjukkan bahawa semua subjek kajian telah menunjukkan peningkatan markah yang amat ketara dalam topik Peta Asia Tenggara selepas menjalani intervensi dengan menggunakan kaedah mnemonik. Hal ini dapat dilihat melalui perbandingan markah Ujian Pra yang menunjukkan kelima-lima subjek hanya mendapat markah antara 9% hingga 13% sahaja berbanding markah Ujian Pasca yang menunjukkan kelima-lima subjek mendapat markah antara 96% hingga 100%. Julat peratusan markah yang tinggi membuktikan bahawa semua subjek kajian telah berjaya menggunakan kaedah mnemonik dalam menyenaraikan nama negara Asia Tenggara dan melabel kedudukannya pada peta dengan betul dan berkesan.

Pemerhatian

Jadual 1

Data kekerapan Tingkah Laku Subjek Sebelum Intervensi (SI), Semasa Kitaran Kajian 1 (I1) dan Semasa Kitaran Kajian 2 (I2)

Subjek	Berbual dengan rakan			Membuat kerja sendiri			Menumpukan perhatian ketika pdp		
	SI	I1	I2	SI	I1	I2	SI	I1	I2
R1				√			√	√	√
R2	√√	√						√	√
R3				√	√			√	√
R4	√			√				√	√
R5	√	√						√	√

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa sebelum intervensi dijalankan, subjek lebih kerap berbual dengan rakan dan membuat kerja sendiri berbanding menumpukan perhatian terhadap PdP. Bagi item berbual dengan rakan, pengkaji melihat subjek R2 mempunyai kekerapan sebanyak dua kali manakala kekerapan berbual dengan rakan untuk subjek R4 dan R5 adalah sebanyak satu kali. Semasa intervensi dijalankan dalam kitaran kajian 1 dan kitaran kajian 2, dapat diperhatikan

kekerapan bagi item berbual dengan rakan semakin kurang dan akhirnya tidak ada subjek yang berbual dengan rakan. Tiga orang subjek iaitu subjek R1, R3 dan R4 juga dilihat membuat kerja sendiri sebelum intervensi dijalankan.

Semasa intervensi dalam kitaran kajian 1, hanya R3 membuat kerja sendiri dan semasa intervensi dalam kitaran kajian 2 dijalankan, tiada subjek dilihat membuat kerja sendiri sepanjang PdP. Kelima-lima subjek mula menumpukan perhatian dan tumpuan semasa intervensi dalam kitaran kajian 1 dan kitaran kajian 2 dijalankan. Hal ini membuktikan bahawa intervensi yang dijalankan oleh pengkaji dapat menarik perhatian kelima-lima subjek untuk menumpukan perhatian. Secara tidak langsung, apabila subjek memberi perhatian, subjek akan lebih mudah faham dengan apa yang diajar dan disampaikan oleh pengkaji.

Soal Selidik

Jadual 2
Keputusan Hasil Soal Selidik Selepas Intervensi Dijalankan

Item Yang Dinilai	Pernyataan	Ya	Tidak
1.	Saya suka cara guru mengajar tentang nama dan kedudukan negara-negara Asia Tenggara.	5	0
2.	Belajar menggunakan kaedah mnemonik lebih menarik berbanding menggunakan buku teks.	5	0
3.	Saya dapat menghafal dan mengingat nama-nama negara Asia Tenggara berdasarkan perkataan yang diajarkan oleh guru.	5	0
4.	Saya berjaya mengenal pasti kedudukan negara-negara Asia Tenggara.	3	2
5.	Saya berasa lebih mudah faham tentang topik ini apabila guru mengajar saya menggunakan cerita.	5	0
6.	Saya mendapat markah yang lebih tinggi apabila menjawab soalan tentang negara-negara Asia Tenggara setelah guru mengajar menggunakan cerita.	5	0

Analisis item pertama hingga item keenam dalam Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa jumlah jawapan 'Ya' yang ditandakan adalah melebihi jumlah jawapan 'Tidak'. Hal ini menunjukkan bahawa subjek telah memberi pandangan yang positif terhadap cara pengajaran pengkaji melalui intervensi yang dilaksanakan oleh pengkaji. Pengkaji telah mengambil inisiatif untuk bertanya kepada subjek secara lisan tentang item keempat yang telah menunjukkan bahawa dua daripada lima subjek iaitu subjek R3 dan R4 yang menjawab 'Tidak'. Item 'Saya berjaya mengenal pasti kedudukan negara-negara Asia Tenggara pada peta' ini ditanda 'Tidak' kerana kedua-dua subjek tersebut menyatakan bahawa mereka kurang yakin dan memerlukan masa yang lebih lama berbanding subjek R1, R2 dan R3 untuk mengenal pasti negara Asia Tenggara pada peta. Hal ini disebabkan subjek R4 dan R5 perlu memerhatikan dengan teliti untuk meletakkan nombor pada peta mengikut kedudukan kerana kurang yakin dengan kedudukan nombor yang diletakkan. Maka, pengkaji mengambil inisiatif untuk mempamerkan peta menggunakan paparan 'power point' dan melakukan beberapa kali latihan sehingga kelima-lima subjek menjadi mahir dan lebih yakin. Kelima-lima subjek bersetuju bahawa intervensi yang dijalankan dapat membantu subjek mengingat nama dan kedudukan negara Asia Tenggara pada peta seterusnya dapat meningkatkan pencapaian mereka.

5.5 Rumusan Kajian

Keberkesanan kaedah mnemonik dalam membantu murid menyenaraikan nama-nama negara Asia Tenggara dan mengenal pasti kedudukannya pada peta dapat dilihat melalui hasil dapatan kajian. Hal ini dapat dilihat melalui peningkatan tingkah laku positif subjek yang mengikuti intervensi melalui pemerhatian. Selain itu peningkatan peratusan markah ujian subjek kajian dalam kajian juga

boleh dijadikan bukti tentang keberkesanan kajian ini. Subjek juga memberi maklum balas yang positif tentang kaedah mnemonik yang diajar sebagai intervensi melalui borang soal selidik.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa kekuatan dan kelemahan dalam diri pengkaji sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini. Antara kekuatan yang dikenal pasti adalah persediaan awal yang telah dijalankan oleh pengkaji seperti mengenal pasti subjek pada minggu pertama sesi praktikum dan pengkaji juga telah mendapat kerjasama yang baik daripada rakan praktikum serta guru subjek Kajian Tempatan Tahun 5 Bakawali. Hal ini memudahkan urusan pengkaji untuk melaksanakan intervensi dan menyempurnakan kajian ini sehingga akhir. Kelemahan yang dikenal pasti pula adalah pengurusan masa yang kurang cekap. Sebagai langkah penambahbaikan, pengkaji perlu menggunakan Carta Gantt yang telah dibentuk untuk memastikan pengurusan masa semasa kajian dijalankan lebih teratur. Pengkaji juga akan dapat menyelesaikan sesuatu perkara mengikut masa yang ditetapkan.

6.0 Cadangan Kajian Selanjutnya

Terdapat tiga cadangan kajian selanjutnya :

- Tempoh pelaksanaan dipanjangkan agar kajian dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan. Selain itu, pengkaji juga boleh menjalankan kajian lebih lama bagi tajuk-tajuk lain.
- Peluang perlu diberikan kepada subjek kajian untuk menentukan cerita atau mnemonik yang akan digunakan bagi mengingat sesuatu fakta yang diajar berdasarkan pengalaman sendiri dan dengan penglibatan subjek ini secara tidak langsung dapat menarik minat lebih ramai murid untuk menggunakan kaedah mnemonik dalam PdP sama ada mata pelajaran Kajian Tempatan mahupun mata pelajaran lain.
- Subjek kajian daripada pelbagai sekolah yang berlainan digunakan dalam kajian. Pemilihan murid yang terdiri daripada sekolah yang berbeza sebagai kumpulan sasaran atau subjek kajian adalah lebih berkesan dan mempunyai kebolehpercayaan kajian yang lebih tinggi.

RUJUKAN

- Jeffrey P. Bakken, Cynthia G. Simpson. (2011). *Mnemonic Strategies : Success For The Young-Adult Learner*. The Journal of Human Resources and Adult Learning, 79-85.
- Radzi, M. P. (2013). *Pendekatan Kaedah Mnemonik dalam Pembelajaran Bahasa Arab J-Qaf. International Conference Islamic Education (ICIED)*. Bangi, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2005). *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**. MENINGKATKAN PENGUASAAN MURID DALAM TOPIK BENTUK MUKA BUMI MATA
PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN DENGAN MENGGUNAKAN MODEL PEMBELAJARAN
KOPERATIF
TEAM GAME TOURNAMENT (TGT) BAGI MURID TAHUN 5 BESTARI.**

Oleh:

Syazwan Bin Yahaya
Jabatan Pengajian Sosial

Abstrak

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan penguasaan murid dalam topik bentuk muka bumi mata pelajaran Kajian Tempatan dengan menggunakan Model Pembelajaran Koperatif Team Game Tournament (TGT) bagi murid Tahun 5 Bestari. Seramai 5 orang murid terlibat dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan menilai sama ada Model Pembelajaran Koperatif TGT dapat membantu meningkatkan pemahaman dan penguasaan dalam topik bentuk muka bumi dan meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti berkumpulan. Tinjauan awal mendapati murid kelihatan bosan, tidak berminat, mengantuk dan tidak mengambil bahagian ketika aktiviti kumpulan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Murid juga memperolehi skor yang tidak mencapai tahap yang memuaskan semasa Ujian Diagnostik dijalankan. Analisis soal selidik bagi mengukur penglibatan aktiviti kumpulan terhadap PdP sebelum program intervensi dijalankan menunjukkan penglibatan yang rendah iaitu bagi semua item. Namun selepas intervensi penggunaan Model Pembelajaran Koperatif TGT dilaksanakan, lima orang murid tersebut berjaya meningkatkan markah ujian pasca mereka berbanding ujian pra sekurang-kurangnya sebanyak 30%. Soal selidik bagi mengukur penglibatan aktiviti kumpulan terhadap PdP selepas program intervensi dijalankan menunjukkan peningkatan penglibatan sekurang-kurangnya 20% bagi semua item. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi dapat dibuktikan bahawa model Pembelajaran Koperatif TGT dapat meningkatkan penguasaan murid dalam topik bentuk muka bumi dan meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti kumpulan semasa PdP berlangsung

Kata kunci: Team Game Tournament (TGT)

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sebuah sekolah di Kuala Lumpur pada sesi lalu pengkaji mendapati murid sukar tidak menunjukkan minat dan mudah berasa bosan ketika berada dalam kelas semasa subjek Kajian Tempatan diajar. Murid juga suka mengeluh dan sukar untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Selain itu penguasaan murid dalam topik bentuk muka bumi juga lemah. Tambahan pula murid juga tidak aktif semasa dalam kelas dan ini menyebabkan suasana dalam kelas menjadi suram dan tidak ceria. Ini mungkin kerana guru menggunakan teknik tradisional semasa mengajar iaitu hanya berpandukan buku teks semata-mata. Semasa aktiviti kumpulan berlangsung, murid sukar untuk memberi kerjasama dan ini membuatkan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) tidak berjalan dengan lancar dan objektif pelajaran juga tidak akan tercapai.

Terdapat pelbagai kaedah boleh digunakan untuk membantu mencari jalan penyelesaian kepada masalah ini serta teori yang boleh digunapakai oleh guru untuk memudahkan proses PdP. Dalam kajian ini pengkaji telah mengenalpasti teori berkaitan iaitu Teori Konstruktif dan Teori Behavioris

2.0 FOKUS KAJIAN

Pengkaji memfokuskan untuk menyelesaikan masalah penguasaan subjek kajian yang lemah dalam subjek kajian tempatan disamping meningkatkan penglibatan mereka dalam aktiviti kumpulan. Oleh itu model koperatif TGT merupakan satu kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengkaji. Kajian ini difokuskan kepada murid 5 Bestari yang mempunyai tahap penguasaan lemah dan tidak melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan penguasaan murid dalam topik Bentuk Muka Bumi mata pelajaran Kajian Tempatan dengan menggunakan Model Pembelajaran Koperatif Team Game Tournament (TGT) bagi murid Tahun 5.

3.2 Objektif Khusus

- Meningkatkan penguasaan murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan bagi topik Bentuk Muka Bumi melalui peningkatan skor dari ujian pra ke ujian pasca yang diajar melalui pembelajaran koperatif (TGT)
- Meningkatkan penglibatan murid dalam Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dalam mata pelajaran Kajian Tempatan topik Bentuk Muka Bumi melalui pembelajaran koperatif (TGT).

4.0 KUMPULAN SASARAN

Pengkaji memilih lima orang subjek dari keseluruhan 26 orang murid daripada kelas 5 Bestari. Subjek tersebut terdiri daripada tiga murid lelaki dan dua murid perempuan dua orang berbangsa Iban dan selebihnya berbangsa Melayu. Kelima-lima orang ini dipilih kerana mereka mempunyai markah yang rendah semasa ujian dignostik dan tidak mengikuti aktiviti kumpulan semasa PDP berlangsung.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti soal selidik, pemerhatian, dan ujian pra dan pasca untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan Model Team Games tournament (TGT) untuk meningkatkan penguasaan subjek dalam subjek Kajian Tempatan topik bentuk muka bumi.

5.1 Cara Pengumpulan data

Tiga instrumen telah digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ialah ujian pemerhatian, dan juga soal selidik. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Analisis tinjauan awal mendapati terdapat lima orang murid yang mempunyai masalah dalam PdP. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan pengkaji mendapati beberapa masalah yang timbul sepanjang sesi PdP. Salah satu darinya ialah apabila aktiviti kumpulan berlangsung, murid tidak memberi kerjasama yang sewajarnya kepada guru untuk melaksanakan PdP. Ada murid yang tidak menumpukan perhatian kepada pengajaran guru, selain itu murid juga sukar bekerjasama antara mereka sehinggalah ada yang berselisihan faham seterusnya mencetuskan pergaduhan. Ini seterusnya merencatkan PdP pada hari tersebut. Walaupun aktiviti kumpulan dijalankan murid sukar dikawal dan mencetuskan suasana bising sewaktu PdP berlangsung. Murid juga kelihatan mudah bosan dan mengantuk apabila penerangan oleh guru. Ini mungkin kerana murid selalu didedahkan dengan bentuk pengajaran yang sama oleh guru. Hal ini boleh menyebabkan objektif pengajaran pada hari tersebut tidak tercapai.


5.3 Tindakan Menangani Masalah

Semasa kitaran satu pengkaji merangkasa satu kaedah pengajaran berdasarkan model koperatif TGT untuk diajar kepada murid. Pengkaji telah merujuk kepada huraian sukatan pelajaran (HSP) bagi merangka Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dalam kaedah ini pengkaji akan mengajar

menggunakan model koperatif TGT. bagi kitaran kedua pula pengkaji akan menambahbaik model koperatif TGT dengan memberi peneguhan dan ganjaran kepada murid yang berjaya.

5.4 Keputusan Ujian


Ujian



Rajah 1. Graf Perbezaan Skor Ujian Pra dan Pasca

Rajah menunjukkan peratusan perbezaan markah ujian pra dan pasca yang telah dijalankan kepada lima orang subjek. Kesemua subjek berjaya menjawab dengan baik dan cemerlang. Ini kerana berlaku peningkatan skor markah semasa ujian pasca berbanding ujian pra. Skor markah paling rendah dicatatkan semasa ujian pra ialah sebanyak 40% yang bergred D dicatatkan oleh R5. Namun selepas intervensi dijalankan sebanyak 2 kitaran jumlah skor R3 meningkat menjadi antara yang tertinggi iaitu peningkatan sebanyak 40% menjadi 85% dan bergred A. Ini telah membuktikan bahawa intervensi dengan menggunakan Model Koperatif TGT membantu meningkatkan penguasaan R3 dan subjek lain. R1 dan R2 berjaya meningkatkan skor pasca mereka sebanyak 30% berbanding dengan skor pada pra. Manakala R4 dan R5 pula berjaya meningkatkan skor mereka sebanyak 40%.

Soal selidik



Rajah 2. Graf Perbandingan Peratus Kekerapan ya selepas Kitaran 1 dan Kitaran 2

Jadual menunjukkan peratusan kekerapan ya selepas Kitaran 1 dan Kitaran 2. Bagi kesemua item menunjukkan peningkatan antara 20% hingga 80% selepas kitaran 2 dijalankan. Ini menunjukkan model Koperatif TGT ini membantu meningkat penguasaan murid disamping membantu mereka melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan semasa PDP berlangsung.

Pemerhatian

Melalui pemerhatian yang dijalankan selepas kitaran pertama dan kedua terdapat peningkatan yang berlaku atas kerja kumpulan dan tingkah laku murid menjadi semakin terkawal. Intervensi yang

dijalankan juga membantu meningkatkan penguasaan murid dan membantu mereka melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan.

Jadual 1

Pemerhatian terhadap tingkah laku murid semasa sesi PdP berlangsung semasa kitaran 1 dan semasa kitaran 2 dijalankan

Pemerhatian Semasa PdP berlangsung										
Murid	Semasa kitaran 1					Semasa kitaran 2				
	R1	R2	R3	R4	R5	R1	R2	R3	R4	R5
Tingkah Laku Murid	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T	Y	T
Semasa sebelum aktiviti kumpulan										
Murid bermain-main semasa guru mengajar	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Murid mengganggu rakan ketika guru sedang mengajar	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Murid tidak memberi perhatian semasa guru mengajar	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Semasa Aktiviti kumpulan										
Murid membuat kerja sendiri semasa aktiviti kumpulan berlangsung	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Murid mengasingkan diri semasa guru semasa aktiviti kumpulan berlangsung	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Murid tidak melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan semasa guru mengajar	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Murid melibatkan diri secara aktif dalam PdP dalam kumpulan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Peneguhan oleh guru										
Murid menjawab pertanyaan guru	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Murid menunjukkan mimik muka ceria sepanjang PdP berlangsung	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Murid memberi respon positif pada peneguhan yang diberikan oleh guru.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Murid mendengar arahan diberikan oleh guru.	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan dapatan kajian mendapati pengkaji berjaya menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan pada awal kajian dengan menggunakan data yang telah dianalisis. 5 subjek kajian berjaya meningkatkan penguasaan dalam topik Bentuk Muka Bumi disamping mereka berjaya melibatkan diri dalam aktiviti kumpulan semasa PDP berlangsung.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mencari pelbagai bahan dan sumber rujukan untuk mendapatkan maklumat yang disarankan oleh pensyarah. Selaian itu pengkaji mendapat kerjasama yang amat baik dari semua pihak terutamanya pihak sekolah semasa menjalankan kajian ini. Pengkaji juga berjaya menyiapkan tugas ini mengikut masa yang telah ditetapkan walaupun mendapat pelbagai halangan dan cabaran. Halangan utama yang dihadapi oleh pengkaji ialah kekangan masa. Masa yang terlalu singkat untuk membuat kajian serta aktiviti sekolah yang padat menjadi masalah yang terbesar yang dihadapi oleh pengkaji untuk menjalankan intervensi yang telah dirancang.

6.0 CADANGAN PENAMBAIKAN

Pada kajian yang seterusnya, pengkaji mencadangkan penambahbaikan bagi kesinambungan kajian ini. Antara cadangan yang boleh diberi perhatian ialah menggunakan kaedah ini kepada topik yang lain dalam subjek kajian tempatan. Selain itu juga, permainan interaktif yang berunsurkan ICT patut dijalankan bagi lebih menarik minat murid untuk bermain sambil belajar.

RUJUKAN

Choong, C. L. (2011). *Murid dan Alam Belajar*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Efendi Zakaria (1998). "Pembelajaran Koperatif". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Huraian Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Tahun 5 (2001), Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.

Slavin, R. E. (2009) Cooperative learning. In G. McCulloch & D. Crook (Eds.) *International Encyclopedia of Education*. Abington, UK: Routledge.

MENINGKATKAN PENCAPAIAN MURID TAHUN 6 CEKAP DALAM TOPIK KENALI PETA MALAYSIA DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH MNEMONIK AKROSTIK

Oleh :

THAEVAKUMARI A/P ANNDY
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan pencapaian murid Tahun Enam Cepak dalam topik Kenali Peta Malaysia dengan menggunakan kaedah mnemonik akrostik. Kajian ini telah dijalankan ke atas 5 orang sampel kajian di sebuah sekolah rendah yang terletak di Kuala Lumpur. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah ujian, pemerhatian berstruktur dan analisis dokumen. Berdasarkan tinjauan awal yang dijalankan, sampel kajian didapati tidak dapat mengingat nama dan kedudukan negeri pada peta Malaysia kerana daya ingatan mereka yang lemah. Hal ini menyebabkan mereka mendapat pencapaian yang kurang memuaskan dalam topik Kenali Peta Malaysia. Bagi menangani masalah tersebut, pengkaji telah menjalankan sesi intervensi dengan menggunakan kaedah mnemonik akrostik. Hasil analisis data menunjukkan bahawa semua sampel kajian telah menunjukkan peningkatan pencapaian markah yang amat ketara dalam Ujian Pasca berbanding dengan Ujian Pra. Tiga orang sampel kajian telah memperolehi markah penuh dalam Ujian Pasca dengan menunjukkan jumlah peningkatan markah yang sangat tinggi. Keputusan kajian menunjukkan bahawa kaedah mnemonik akrostik amat membantu murid dalam mengingat nama dan kedudukan negeri pada peta Malaysia secara berkesan seterusnya membantu meningkatkan pencapaian mereka dalam Topik Kenali Peta Malaysia dengan lebih cemerlang.

Kata kunci : pencapaian, mnemonik akrostik

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum selama 3 bulan di sebuah sekolah di Kuala Lumpur, pengkaji mendapati bahawa lima orang murid di kelas Tahun 6 Cepak amat lemah dalam topik Kenali Peta Malaysia yang berpunca daripada daya ingatan mereka yang lemah. Pengkaji mendapati bahawa murid-murid tersebut tidak dapat mengingat nama dan kedudukan setiap negeri pada peta Malaysia walaupun mereka telah didedahkan dengan topik-topik berkaitan dengan peta Malaysia sejak dari Tahun Empat lagi. Berdasarkan tinjauan awal yang dilakukan, pengkaji mendapati perkara tersebut berlaku disebabkan oleh tiga punca yang utama ialah masalah mengingat fakta dalam jangka masa yang panjang, kurangnya minat murid terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan (KT) dan juga faktor budaya sekolah yang tidak menitikberatkan kurikulum KT. Hal ini menyebabkan murid-murid tidak dapat melengkapkan tugas yang melibatkan aktiviti melabelkan nama dan kedudukan sesebuah lokasi pada peta Malaysia dengan tepat sehingga menyebabkan pengkaji sukar mencapai objektif proses pembelajaran dan pengajaran (pdp) yang ditetapkan. Selain itu, kelemahan murid dalam mengingat nama dan kedudukan negeri pada peta Malaysia juga menyebabkan mereka mendapat pencapaian yang kurang memuaskan dalam topik Kenali Peta Malaysia.

2.0 FOKUS KAJIAN

Semasa menjalankan kajian ini, pengkaji telah melakukan proses tinjauan awal untuk mengenal pasti prestasi pencapaian murid dalam topik Kenali Peta Malaysia dan juga faktor-faktor yang menyebabkan mereka mendapat keputusan yang kurang memberangsangkan dalam topik tersebut. Pengkaji telah menggunakan empat instrumen pengumpulan data semasa proses tinjauan awal tersebut iaitu analisis dokumen, soal selidik, ujian diagnostik dan juga pemerhatian. Hasil daripada tinjauan awal yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa lima orang murid mendapat pencapaian yang kurang memberangsangkan dalam topik Kenali Peta Malaysia disebabkan oleh beberapa faktor. Antara punca berlakunya masalah tersebut adalah kerana murid-murid mengalami masalah dalam mengingat fakta untuk jangka masa yang panjang, tidak tahu satu cara yang khusus untuk mengingat fakta secara berkesan dan juga kurangnya minat mereka terhadap mata pelajaran KT yang memerlukan mereka mengingat banyak fakta. Ketiga-tiga faktor tersebut menyebabkan mereka mengambil masa yang lama untuk menyiapkan lembaran kerja yang mempunyai aktiviti melabelkan nama dan kedudukan negeri pada peta Malaysia serta menjadi pasif apabila diajukan

soalan-soalan berkenaan dengan peta Malaysia. Hal ini secara tidak langsung telah menyukarkan pengkaji mencapai objektif pdp yang ditetapkan. Oleh itu, pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengatasi masalah tersebut dengan menggunakan salah satu alat meningkatkan daya ingatan yang berkesan iaitu kaedah mnemonik akrostik. Kaedah kajian tersebut adalah bersesuaian dengan Teori Pemprosesan Maklumat Gagne yang telah diguna pakai oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ini.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Umum

Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan pencapaian murid Tahun 6 Cepak dalam topik Kenali Peta Malaysia dengan menggunakan kaedah mnemonik akrostik.

Objektif Khusus

- i. Murid Tahun 6 Cepak dapat menyenaraikan nama-nama negeri dan melabelkan kedudukannya pada peta Malaysia dengan menggunakan kaedah mnemonik akrostik.
- ii. Keberkesanan kaedah mnemonik akrostik dalam meningkatkan pencapaian murid Tahun 6 Cepak dalam topik Kenali Peta Malaysia.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Seramai 5 orang murid Tahun 6 Cepak di Sekolah X telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Mereka terdiri daripada dua orang murid perempuan dan tiga orang murid lelaki yang berumur 12 tahun. Lima orang murid tersebut dipilih sebagai sampel kajian ini kerana mereka didapati amat lemah dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dan mengalami masalah dalam mengingat nama dan kedudukan negeri pada peta Malaysia dengan betul dalam jangka masa yang panjang walaupun mereka semua adalah murid yang normal sahaja.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Pengkaji telah merancang pelan tindakan berdasarkan Model Kajian Tindakan Kemmis dan Mc Taggart (1988). Kajian tindakan ini telah dilaksanakan dalam dua kitaran berasaskan pelan tindakan yang telah dirangka oleh pengkaji dan kedua-dua sesi intervensi telah dijalankan dengan menggunakan kaedah mnemonik akrostik bagi membantu murid mengingat nama dan kedudukan negeri pada peta Malaysia seterusnya meningkatkan pencapaian mereka dalam topik Kenali Peta Malaysia.

5.1 Cara mengumpulkan data

Pengkaji telah menggunakan 3 instrumen pengumpulan data iaitu ujian (Ujian Pra, Ujian Pasca dan Ujian Pencapaian), pemerhatian, dan analisis dokumen semasa menjalankan kajian ini. Pengkaji telah memilih ketiga-tiga instrumen pengumpulan data ini berdasarkan kesesuaiannya dengan latar belakang sampel kajian dan juga kaedah kajian yang digunakan.

5.2 Cara menganalisis data

Ketiga-tiga ujian yang telah dijalankan semasa kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan skor pemarkahan analitik dalam bentuk peratusan markah. Ujian-ujian tersebut dijalankan untuk menilai kemampuan sampel kajian dalam menyenaraikan nama negeri dan melabelkan kedudukannya pada peta Malaysia dengan tepat. Pemerhatian pula telah dijalankan secara berstruktur semasa Ujian Pra dan Ujian Pasca dilaksanakan dengan menggunakan borang senarai semak pemerhatian. Pemerhatian ini dijalankan untuk melihat perubahan tingkah laku dan peningkatan pencapaian yang ditunjukkan oleh sampel kajian semasa menjawab soalan ujian yang diberikan dan hasil pemerhatian tersebut telah dianalisis dalam bentuk jumlah peratus keseluruhan berdasarkan skala dikomotomi (Ya-Tidak). Bagi analisis dokumen, pengkaji telah menganalisis latihan pengukuhan yang diberikan kepada setiap sampel kajian untuk menilai kemampuan mereka


dalam mengaplikasikan kaedah mnemonik akrostik yang dipelajari semasa menjawab soalan-soalan yang berkaitan dengan peta Malaysia dengan menggunakan skor pemarkahan analitik dalam bentuk graf.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa menjalankan kitaran kajian yang pertama, pengkaji telah memperkenalkan kaedah mnemonik akrostik kepada sampel kajian terlebih dahulu dan kemudiannya, pengkaji telah memperkenalkan dua ayat akrostik bagi membantu sampel mengingat nama dan kedudukan setiap negeri pada peta Malaysia secara berkesan. Pengkaji telah menjalankan intervensi yang pertama ini dalam bentuk latihan tubi supaya sampel kajian dalam mengingat dan mengasosiasikan setiap perkataan dalam kedua-dua ayat akrostik tersebut dengan nama dan kedudukan setiap negeri pada peta Malaysia. Semasa kitaran yang kedua pula, pengkaji telah menambah baik kaedah mnemonik akrostik tersebut dengan penggunaan visual di mana setiap perkataan dalam ayat akrostik yang digunakan telah disertakan dengan gambar yang melambangkan perkataan tersebut untuk meningkatkan lagi daya ingatan murid dalam mengingat nama dan kedudukan negeri pada peta Malaysia secara lebih berkesan. Intervensi yang kedua ini juga telah dilaksanakan dalam bentuk latihan tubi supaya sampel kajian dalam mengingat dan mengasosiasikan setiap perkataan dalam kedua-dua ayat akrostik tersebut dengan nama dan kedudukan setiap negeri pada peta Malaysia dengan berbantuan penggunaan visual.

5.4 Keputusan Kajian

Ujian



Rajah 1. Perbandingan Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca

Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pasca dalam Rajah 1 menunjukkan bahawa semua sampel kajian telah berjaya menunjukkan peningkatan markah yang amat ketara dalam topik Kenali Peta Malaysia selepas menjalani intervensi dengan menggunakan kaedah mnemonik akrostik. Walaupun pada awalnya semua sampel kajian hanya mendapat markah kurang daripada 55% semasa Ujian Pra, namun semua sampel kajian telah mendapat markah lebih daripada 85% semasa Ujian Pasca dan peningkatan pencapaian ini membuktikan keberkesanan intervensi yang telah dijalankan. Julat peratusan markah yang tinggi juga membuktikan bahawa semua sampel kajian telah berjaya menggunakan kaedah mnemonik akrostik dalam aktiviti menyenaraikan nama dan melabelkan kedudukan setiap negeri pada peta Malaysia dengan betul dan berkesan.

Pemerhatian


Jadual 1

Keputusan Hasil Pemerhatian Sebelum dan Selepas Intervensi Dijalankan

Item Yang Dinilai	Pernyataan	Sebelum intervensi (Ujian Pra)		Selepas intervensi (Ujian Pasca)	
		Ya (%)	Tidak (%)	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Sampel kajian dapat mengingat 13 nama negeri di Malaysia.	0	100	100	0
2.	Sampel kajian dapat menyenaraikan 7 daripada 13 nama negeri di Malaysia dengan betul.	20	80	100	0
3.	Sampel kajian dapat menyenaraikan 13 nama negeri di Malaysia dengan betul.	0	100	60	40
4.	Sampel kajian dapat melabelkan kedudukan 7 daripada 13 negeri pada Peta Malaysia dengan betul.	20	80	100	0
5.	Sampel kajian dapat melabelkan kedudukan 13 negeri pada Peta Malaysia dengan betul.	0	100	60	40

Analisis item pertama sehingga item kelima dalam Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa sebelum intervensi dijalankan, daya ingatan sampel kajian yang lemah dalam mengingat nama dan kedudukan negeri pada peta Malaysia menyebabkan mereka tidak dapat menyenaraikan nama serta melabelkan kedudukan setiap negeri pada peta Malaysia dengan tepat. Namun, selepas sesi intervensi dengan menggunakan kaedah mnemonik akrostik dijalankan, hampir semua sampel kajian didapati telah menggunakan kaedah tersebut secara berkesan dalam aktiviti menyenaraikan nama dan melabelkan kedudukan setiap negeri pada peta Malaysia dengan tepat. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila 60% sampel kajian berjaya menyenaraikan dan melabelkan semua nama negeri dan kedudukannya pada peta Malaysia dengan betul manakala 40 % sampel kajian pula berjaya menyenaraikan dan melabelkan sekurang-kurangnya 7 daripada 13 nama negeri dan kedudukannya pada peta Malaysia dengan betul (11 buah negeri).

Analisis Dokumen



Rajah 2. *Markah Latihan Pengukuhan*

Rajah 2 di atas menunjukkan bahawa semua sampel kajian mendapat keputusan yang amat cemerlang iaitu lebih daripada 86% markah dalam latihan pengukuhan yang diberikan. Keputusan ini membuktikan bahawa penggunaan kaedah mnemonik akrostik dalam kajian ini bukan sahaja telah membantu sampel kajian dalam meningkatkan pencapaian mereka dalam topik Kenali Peta Malaysia tetapi juga telah membantu mereka mengaplikasikan kaedah tersebut dalam meningkatkan pencapaian mereka dalam topik-topik lain yang melibatkan penggunaan peta Malaysia secara berkesan khususnya dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

5.5 Rumusan Kajian

Hasil dapatan daripada instrumen kajian yang digunakan iaitu ujian, pemerhatian dan soal selidik telah membuktikan bahawa penggunaan kaedah mnemonik akrostik dalam kajian ini telah berjaya meningkatkan pencapaian murid dalam topik Kenali Peta Malaysia secara berkesan. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa kedua-dua objektif kajian yang ditetapkan telah berjaya dicapai melalui kedua-dua sesi intervensi yang telah dijalankan.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mengenal pasti beberapa kekuatan dan kelemahan dalam diri pengkaji semasa menjalankan kajian ini. Antara kekuatan yang telah dikenal pasti ialah pemilihan sampel kajian daripada murid kelas pengkaji sendiri telah membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini dengan lebih lancar. Kekuatan yang kedua ialah semua sampel kajian didapati telah memberikan kerjasama serta komitmen yang sepenuhnya sepanjang kajian tindakan ini dijalankan. Kelemahan yang telah dikenal pasti pula adalah dari segi perancangan masa yang kurang baik dan tidak sistematik dan kurangnya kerjasama dan kolaborasi dengan rakan sejawat semasa kajian ini dijalankan.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Pengkaji berpendapat bahawa kajian ini perlu diteruskan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti demi kepentingan pendidikan pada masa akan datang. Antara cadangan untuk kajian seterusnya ialah menambahbaik kaedah mnemonik akrostik dengan menggunakan teknik nyanyian untuk meningkatkan lagi daya ingatan murid dan juga supaya sesi pdp lebih ceria dan seronok. Selain itu, kaedah mnemonik akrostik ini juga perlu digunakan secara meluas dalam mata pelajaran yang lain selain daripada mata pelajaran KT ataupun Sejarah untuk meningkatkan lagi pencapaian murid dalam mata pelajaran tersebut. Pengkaji juga boleh memperkenalkan sistem token ekonomi sebagai satu peneguhan positif kepada murid-murid yang menggunakan kaedah mnemonik akrostik secara berkesan semasa proses pdp dan juga semasa menjawab soalan peperiksaan untuk meningkatkan lagi penggunaan alat bantuan ingatan ini secara berkesan dalam kalangan murid. Selain itu, pengkaji juga bercadang untuk membuat perancangan yang lebih rapi dan melanjutkan lagi tempoh pelaksanaan kajian pada masa akan datang supaya pengkaji dapat melaksanakan setiap sesi intervensi dengan lebih baik dan sistematik untuk meningkatkan lagi pencapaian murid dalam topik Kenali Peta Malaysia seterusnya mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan dengan lebih mantap.

RUJUKAN

Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd

Scott Hagwood.(2006). *Memory Power*. New York: Free Press

Tony Buzan.(2006). *Brilliant Memory*. England: BBC Active

Wan Nadia Farhana.(2010). *Penggunaan Kaedah Mnemonik Akrostik Dalam Meningkatkan Tahap Pelajar Mengingat Dan Menyenaraikan Urutan Planet Dalam Sistem Suria*. Perak : Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh

Wan Nur Afifah dan Zulkifli.(2013). *Kaedah MdanM Mempertingkat Kemahiran Kognitif Bagi Mengingat Nama-Nama Perdana Menteri Murid Tahun 5*. Terengganu : Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.

MENINGKATKAN PENGUASAAN MENINGKAT FAKTA ZAMAN PRASEJARAH DALAM SUBJEK SEJARAH PENDIDIKAN RENDAH MELALUI KAEDAH "VICER" DALAM KALANGAN MURID TAHUN 4 INTAN SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR

Oleh:

THINAGARAN A/L KONASAIGARAN
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan penguasaan mengingat fakta Zaman Prasejarah dalam subjek Sejarah Pendidikan Rendah melalui Kaedah "VICER" dalam kalangan murid tahun 4 Intan. Analisis tinjauan awal didapati sampel kajian berasa bosan dan tidak menunjukkan sebarang perubahan tingkah laku positif ke arah pembelajaran yang berkesan. Mereka juga memperoleh skor di bawah paras memuaskan. Sebelum intervensi, sampel kajian tidak menunjukkan sebarang peningkatan. Namun, selepas intervensi kitaran kedua dijalankan iaitu kaedah "VICER", peningkatan drastik dapat dilihat dan mereka menunjukkan perubahan tingkah laku yang positif. Sampel juga berjaya mengingat fakta sejarah apabila kaedah "VICER" ini digunakan. Penggunaan kaedah "VICER" juga berjaya meningkatkan markah ujian pra dan pasca sehingga 80%. Ini jelas dapat dibuktikan melalui dapatan kajian di mana penggunaan kaedah "VICER" dapat meningkatkan penguasaan mengingat fakta Zaman Prasejarah dalam subjek Sejarah Pendidikan Rendah melalui kaedah "VICER" dalam kalangan murid tahun 4 Intan, Sekolah Kebangsaan Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Kata Kunci : Mengingat Fakta, Kaedah "VICER"

1.0 PENDAHULUAN

Semasa menjalani praktikum di sebuah sekolah di Sungai Besi, Kuala Lumpur pada sesi yang lalu, penyelidik mendapati murid-murid kelas 4 Intan lemah dalam mengingat fakta Zaman Prasejarah dan tidak menunjukkan minat terhadap subjek Sejarah ini walaupun baharu diperkenalkan mulai tahun 2014 ini. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan oleh guru tidak menarik minat murid dalam subjek ini seterusnya murid-murid gagal untuk mengingat kembali fakta Zaman Prasejarah. Situasi ini menyebabkan murid-murid cepat bosan dan tidak suka akan subjek Sejarah ini.

Terdapat pelbagai kaedah yang dapat digunakan untuk mencari penyelesaian kepada masalah mengingat fakta Zaman Prasejarah ini serta teori yang boleh diguna pakai oleh guru dalam membantu memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah selain merancang kepada peningkatan pencapaian murid-murid di sekolah. Dalam kajian ini, penyelidik telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian iaitu teori konstruktivisme dengan menggunakan kaedah pengajaran "VICER".

2.0 FOKUS KAJIAN

Penyelidik mendapati bahawa murid-murid kurang berminat terhadap subjek Sejarah Pendidikan Rendah walaupun subjek ini baru diperkenalkan. Hasil daripada pemerhatian, penyelidik mendapati hanya lima orang murid menunjukkan tingkah laku yang luar biasa iaitu mereka senyap dan tidak langsung mengikuti pengajaran dan pembelajaran guru. Kesannya, mereka tidak dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru. Mereka juga seolah-olah tidak menyedari bahawa mereka berada di kelas dan guru sedang mengajar di hadapan kelas. Oleh itu, penyelidik membuat keputusan untuk memilih lima orang tersebut sebagai sampel kajian dan menjalankan intervensi ke atas mereka agar dapat mengubah tingkah laku mereka yang sedia ada. Jadi, kaedah pengajaran itu harus dipelbagaikan oleh guru supaya murid faham dan seterusnya dapat melihat penglibatan mereka sepenuhnya dalam aktiviti dalam kelas. Jika seseorang guru menggunakan

kaedah dan teknik yang berkesan, sudah pasti murid-murid akan sangat aktif dan berminat ke atas mata pelajaran tersebut Kajian ini hanya difokuskan kepada murid tahun 4 Intan sahaja

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Mengenal pasti tahap pemahaman murid tahun 4 Intan terhadap subjek Sejarah berdasarkan dua kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berbeza iaitu kaedah bercerita dan "VICER".

3.2 Objektif Khusus

- Mengenal pasti sejauh mana tahap keberkesanan kaedah penceritaan "VICER" dalam meningkatkan daya ingatan murid dalam topik Zaman Prasejarah.
- Meningkatkan pencapaian murid melalui ujian pasca

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran kajian ini melibatkan murid-murid di sebuah sekolah kebangsaan. Murid-murid tersebut berada di tahap 2 iaitu Tahun 4 Intan. Seramai 5 orang murid yang terdiri daripada 2 orang murid lelaki dan 3 orang murid perempuan dikenal pasti selepas analisis tinjauan awal. Murid-murid terdiri daripada 4 orang berbangsa Melayu dan seorang lagi berbangsa India.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Penyelidik telah menggunakan beberapa instrumen seperti pemerhatian, temu bual, ujian pra dan ujian pasca untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas sampel kajian. Penyelidik telah menggunakan kaedah "VICER" untuk meningkatkan penguasaan mengingat fakta Zaman Prasejarah yang betul.

5.1 Cara mengumpulkan data/ maklumat

Tiga instrumen yang digunakan oleh penyelidik semasa menjalankan tinjauan awal serta kajian ialah ujian pra, ujian pasca, pemerhatian dan temubual. Penyelidik telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen ini dalam membantu penyelidik menjalankan kajian ini dengan jayanya.

5.2 Analisis tinjauan awal

Penyelidik telah menggunakan ujian sebagai salah satu pengumpulan data. Kumpulan sasaran iaitu murid tahun 4 Intan telah terlibat dalam melakukan ujian ini. Bagi melaksanakan ujian ini, penyelidik telah menggunakan dua jenis ujian iaitu ujian pra dan pasca. Data kedua-dua ujian ini dikumpul dan dibandingkan pemerincian atau hasilnya.

5.3 Tindakan menangani masalah

Semasa tindakan fasa pertama, penyelidik telah merangka satu kaedah yang dinamakan sebagai kaedah bercerita sebagai salah satu medium untuk meningkatkan kemahiran mengingat fakta Zaman Prasejarah. Sebagai permulaan, penyelidik telah mengajar sampel menggunakan kaedah bercerita berbantuan buku teks. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah tradisional yang digunakan sejak lama lagi. Kaedah ini dijalankan oleh penyelidik sebagai intervensi pertama untuk mengukur daya ingatan serta minat sampel terhadap topik Zaman Prasejarah.

Disebabkan hasil intervensi pertama tidak mencapai objektif kajian, maka penyelidik mengambil keputusan untuk menjalankan kitaran kedua atau fasa kedua. Dalam fasa kedua, penyelidik telah menggunakan kaedah "VICER" iaitu gabungan visual dan cerita.. Sampel kajian didedahkan dengan pengajaran menggunakan slaid "power-point" dengan bantuan gambar serta

video untuk meningkatkan daya ingatan dan pemahaman mereka terhadap topik Zaman Prasejarah ini. Dalam fasa ini, penyelidik langsung tidak menggunakan buku teks. Data yang dikumpul daripada kedua-dua fasa atau intervensi dianalisis serta dilaporkan oleh penyelidik.

5.4 Keputusan kajian

Jadual 1

Perbandingan antara ujian pra dan ujian pasca

Sampel Kajian	Ujian Pra	Ujian Pasca	Peratusan markah ujian pra	Peratusan markah ujian pasca
Sampel 1	1	9	10%	90%
Sampel 2	3	10	30%	100%
Sampel 3	3	10	30%	100%
Sampel 4	2	10	20%	100%
Sampel 5	1	7	10%	70%

Keputusan ujian pra dan ujian pasca dalam jadual 1 menunjukkan markah dan tahap peratusan yang telah dibuat perbandingan. Perbezaan yang sangat ketara dapat dilihat dalam ujian pra dan pasca. Sebelum penyelidik menjalankan intervensi, didapati kesemua sampel kajian memperoleh markah yang sangat tidak memuaskan dan boleh dikatakan mereka langsung tidak ada pengetahuan tentang topik Zaman Prasejarah.

Apabila ujian pasca dijalankan iaitu selepas penyelidik menjalankan intervensi kaedah "VICER", ia mencatatkan peningkatan hampir 80% dalam markah ujian mereka. Perbezaan yang ketara ini amat positif dalam membuktikan keberkesanan dan kejayaan intervensi yang dijalankan. Aspek yang diutamakan oleh penyelidik dalam ujian pra dan pasca ini ialah dari segi meningkatkan penguasaan mengingat fakta Zaman Prasejarah serta pemahaman sampel. Hal ini turut memberi impak kepada minat sampel terhadap subjek Sejarah secara tidak langsung.

Pemerhatian

Penyelidik telah melakukan pemerhatian tidak turut serta sebelum dan selepas intervensi untuk melihat perubahan tingkah laku dalam kalangan sampel kajian.

Jadual 2

Analisis Pemerhatian sebelum dan selepas intervensi

Bil	Aspek	Bilangan sampel yang menunjukkan perubahan tingkah laku sebelum intervensi		Bilangan sampel yang menunjukkan perubahan tingkah laku selepas intervensi	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Murid menumpukan perhatian semasa guru sedang mengajar	3	2	5	0
2.	Murid melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran	2	3	4	1
3.	Pengajaran dan pembelajaran guru menarik minat murid.	1	4	5	0
4.	Murid faham akan pengajaran subjek sejarah	0	5	5	0
5.	Murid-murid berjaya mengingat fakta sejarah semasa guru bersoal jawab	0	5	5	0

Jadual 2 memaparkan item yang telah dianalisis sebelum dan selepas intervensi dijalankan oleh penyelidik. Jika diteliti, satu peningkatan positif dapat dilihat setelah intervensi kedua dijalankan iaitu menggunakan kaedah "VICER". Sampel kajian sangat tertarik dengan kaedah ini dan melibatkan diri sepenuhnya sepanjang sesi pengajaran menggunakan kaedah "VICER" dijalankan. Sebelum intervensi, sampel kajian tidak minat langsung dan tidak dapat mengingat fakta apabila pengajaran guru mata pelajaran dalam kelas. Ini jelas terbukti bahawa kaedah pengajaran "VICER" membantu sampel kajian dalam mengingat fakta Zaman Prasejarah.

Temubual

Penyelidik telah menjalankan temu bual separa struktur terhadap kelima-lima sampel kajian. Beberapa soalan telah disediakan oleh penyelidik kepada kesemua sampel dalam sesi temu bual ini. Temu bual ini dilaksanakan oleh penyelidik sebelum dan selepas intervensi untuk mendengar sendiri perubahan yang berlaku pada diri sampel itu.

Hasil data mentah daripada temu bual separa struktur ini dirakam oleh penyelidik seterusnya perbualan tersebut telah dipindahkan ke dalam bentuk transkripsi. Hasil daripada transkripsi, penyelidik menerangkan semula dalam bentuk penulis naratif semasa pelaporan dibuat.

5.5 Rumusan kajian

Rumusan dapatan kajian dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data yang dikumpul serta dianalisis dalam keputusan kajian. Penyelidik telah menyiapkan kajian ini dengan jayanya pada 2 September 2014. Kajian ini juga telah mencapai objektifnya.

Pengajaran kaedah intervensi ini telah melibatkan pengajaran menggunakan kaedah "VICER". Tujuan kaedah ini dilaksanakan meningkatkan penguasaan meningkat fakta Zaman Prasejarah menggunakan kaedah "VICER".

5.6 Refleksi

Kekuatan kajian ini dapat diukur apabila objektif kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu penggunaan kaedah "VICER" dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai. Penyelidik juga berpendapat bahawa pencapaian objektif ini merupakan kejayaan besar kerana penyelidik perlu berdepan dengan pelbagai perangai murid yang mempunyai pelbagai masalah dalam bilik darjah.

Penyelidik juga menghadapi kekangan masa apabila melaksanakan intervensi. Hal ini disebabkan oleh jadual kelas sampel selalunya bercanggah dengan jadual penyelidik. Jadi, penyelidik harus meminta kebenaran daripada guru mata pelajaran berkenaan untuk membenarkan sampel menjalani intervensi bersama penyelidik. Ia sebenarnya memberi kesan kepada penyelidik dalam menyiapkan laporan akhir.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Pada kajian seterusnya, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh penyelidik sebagai kesinambungan daripada kajian ini. Antara cadangan yang boleh dilakukan sebagai penambahbaikan dalam meningkatkan penguasaan meningkat fakta Sejarah iaitu menggunakan teknologi maklumat (ICT) sepenuhnya tanpa melibatkan penceritaan dan mungkin boleh menggunakan kaedah pengajaran yang lebih sesuai pada masa akan datang berdasarkan keadaan semasa

Penyelidik berharap agar kajian seterusnya dapat dilakukan dengan kerjasama guru yang lebih berpengalaman dalam bidang Sejarah supaya dapat menjadikan subjek Sejarah ini diminati oleh semua murid di sekolah rendah.

RUJUKAN

- Adzmi Bin Yusoff (2003). *Kerberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Bagi Sub Topik Unjuran Ortografik, Pandangan Isometrik Dan Oblik Di Sekolah Menengah Teknik Pantai Timur*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Atan Long (1978). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1980). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn.Bhd
- Nicholas L. Holt, William B. Strean, and Enrique Garcia Bengoechea. (2002). Expanding the Teaching Games for Understanding Model: Newavenues for future research and practice. *Journal of teaching in Physical Education*, 21, 162-176.

MENINGKATKAN SKOR MURID TAHUN LIMA AMANAH DALAM UNIT BENTUK MUKA BUMI MATA PELAJARAN KAJIAN TEMPATAN MELALUI PENGGUNAAN PETA MINDA

Oleh :

WAN MOHAMAD NORHISHAM BIN WAN MOHAMAD NUDIN
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan skor murid Tahun Lima Amanah dalam unit Bentuk Muka Bumi mata pelajaran Kajian Tempatan melalui penggunaan peta minda. Subjek kajian dalam kajian ini terdiri daripada empat orang murid tahun 5 Amanah yang memperolehi pencapaian terendah dalam ujian diagnostik. Data kajian dikumpul melalui ujian pra dan ujian pasca. Hasil analisis data mendapati bahawa kesemua subjek kajian menunjukkan peningkatan skor markah dalam ujian dan menggunakan peta minda sebagai nota setelah intervensi dijalankan. Perubahan tingkah laku dan nota subjek kajian berjaya dibentuk secara keseluruhan pada kitaran 2. Malah berlaku peningkatan pencapaian skor yang ketara dalam tajuk bentuk muka bumi bagi ujian pasca berbanding ujian pra. Terdapat seorang subjek kajian mendapat gred cemerlang dengan menunjukkan peningkatan pencapaian skor yang sangat tinggi. Dua subjek kajian mendapat gred meningkat berbanding pada ujian pra. Manakala seorang subjek kajian turut mengalami peningkatan markah. Keputusan kajian menunjukkan bahawa peta minda sangat berkesan dalam meningkatkan skor murid tahun lima dalam unit bentuk muka bumi mata pelajaran Kajian Tempatan.

Kata kunci: Bentuk Muka Bumi, Kajian Tempatan, Peta Minda, Skor

1.0 PENDAHULUAN

Sepanjang menjalani praktikum fasa tiga di Sekolah Kebangsaan Pengkalan Tentera Darat, Sungai Besi, Kuala Lumpur, pengkaji mendapati masalah utama murid-murid sekolah ini ialah tidak bersedia apabila ingin memulakan kelas dan didapati murid tidak membuat bacaan tentang tajuk yang hendak dipelajari sebelum memasuki kelas. Permasalahan yang lain dapat diperhatikan yang berlaku terhadap murid Tahun 5 Amanah adalah mereka tidak menyiapkan nota dan latihan yang diberikan oleh pengkaji dengan lengkap. Ini disebabkan kerana murid tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk menyiapkan nota dan latihan. Apabila perkara yang diajar oleh pengkaji tidak difahami oleh murid, murid hanya mendiamkan diri dan tidak bertanyakan soalan apabila diberi peluang untuk bertanyakan soalan.

Terdapat pelbagai kaedah sebagai alat bantu dalam mencari penyelesaian kepada masalah ini serta teori yang boleh diguna pakai guru dalam membantu untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran selain meningkatkan keberkesanan terhadap pencapaian murid. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti teori yang berkaitan dengan kajian iaitu Teori Pembelajaran Kognitif Ausebel dan Teori Pembelajaran Konstruktivis Kognitif Piaget.

2.0 FOKUS KAJIAN

Daripada pengalaman pengajaran sendiri, murid akan menghadapi masalah untuk mengenal pasti isi-isi penting yang perlu dicatatkan. Murid selalunya akan cenderung untuk memilih ayat yang disukainya iaitu biasanya ayat yang senang difahami oleh murid yang juga ayat yang tidak berkaitan dengan isi pelajaran yang ingin dipelajari. Murid pula terlalu mengharapkan guru untuk memberi input kepada mereka. Hasilnya ialah nota yang dihasilkan oleh murid akan menjadi panjang dan murid sendiri agak susah dan tidak menyukai untuk mengulang kaji pelajaran menggunakan nota yang disediakan.

Pengkaji membantu murid untuk mengenalpasti isi-isi yang penting dan cuba membuat nota. Keadaan ini membantu murid tetapi dirasakan masih lagi boleh diperbaiki cara perlaksanaannya. Ini kerana jika nota disalin terus ke dalam buku latihan, murid akan cenderung untuk menyalin semula apa yang ada di dalam buku teks tersebut. Maka nota akan bertukar menjadi sebuah karangan yang panjang dan menyebabkan mereka sukar untuk mengulang kaji semula apa yang telah dipelajari. Idea lanjutan pengkaji ialah menggunakan peta minda dalam merangsang pemikiran murid agar dapat memperkembangkan minda murid supaya dapat berdikari dalam melahirkan idea mereka.

Fikiran murid berkembang seperti peta minda dengan idea utama akan berkembang menjadi akar yang bersambung dengan idea-idea kecil di bawahnya. Dengan itu, penghasilan peta minda akan membantu murid dan menyenangkan proses mereka menghadam apa yang dipelajari pada hari demikian.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Umum

Meningkatkan skor murid Tahun Lima Amanah SK Pengkalan Tentera Darat dalam unit Bentuk Muka Bumi mata pelajaran Kajian Tempatan melalui penggunaan peta minda.

3.2 Objektif Khusus

- Membantu murid membuat nota ringkas menggunakan peta minda bagi mata pelajaran Kajian Tempatan dalam unit Bentuk Muka Bumi.
- Meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan dengan penggunaan peta minda berpandukan Hukum Peta Minda Buzan.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan empat orang murid yang dipilih daripada kelas 5 Amanah SK Pengkalan Tentera Darat, Kem Sungai Besi yang terdiri daripada tiga lelaki dan seorang perempuan. Kelas 5 Amanah adalah kelas yang keempat daripada lapan kelas di dalam tahun 5. Pencapaian keseluruhan murid adalah sederhana. Pemilihan dibuat terhadap empat orang murid ini kerana pencapaian mereka sangat lemah di dalam bidang akademik. Kesemua responden yang dipilih adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Subjek kajian dilabel sebagai subjek kajian 1, subjek kajian 2, subjek kajian 3 dan subjek kajian 4

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

5.1 Cara Mengumpulkan Data/ Maklumat

Pengkaji mengumpul data menggunakan ujian pra, ujian pasca untuk mengukur peningkatan sebelum dan selepas intervensi. Selain itu, senarai semak digunakan untuk menjalankan pemerhatian berstruktur ketika intervensi dijalankan. Pengkaji juga menggunakan analisis dokumen untuk melihat perubahan pada nota subjek kajian.

5.2 Analisis Tinjauan Awal

Pengkaji telah menggunakan kaedah ujian sebagai salah satu cara pengumpulan data. Kumpulan sasaran iaitu murid yang lemah telah terlibat dalam melakukan ujian ini. Bagi melaksanakan ujian ini, pengkaji telah menggunakan dua jenis ujian iaitu ujian pra dan ujian pasca. Data bagi kedua-dua ujian ini akan dikumpulkan dengan menggunakan skala pemeringkatan.


5.3 Tindakan Menangani Masalah

Semasa tindakan pada kitaran pertama, pengkaji telah merangka satu kaedah penulisan berbentuk peta minda. Pengkaji telah menyediakan panduan kepada murid untuk menyediakan nota yang lebih tersusun dan merangkumi kesemua isi mata pelajaran. Pada kitaran kedua, pengkaji memperbaiki nota murid yang berbentuk peta minda dengan menambah unsur warna dan simbol ke dalam nota yang disediakan.

5.4 Keputusan Kajian

Ujian Pra dan Ujian Pasca

Ujian pra yang dilaksanakan sebelum intervensi ternyata kurang memuaskan. Namun begitu, selepas intervensi terdapat peningkatan yang berbeza dalam peratusan markah subjek kajian. Peningkatan yang dinyatakan oleh pengkaji boleh dilihat dengan jelas menggunakan graf. Hasil keputusan subjek kajian semasa ujian pasca meningkat dengan kadar yang berbeza berbanding ujian pra. Peningkatan yang paling ketara berlaku kepada subjek kajian 3 dengan meningkatkan sebanyak 50% markah manakala peningkatan yang paling sedikit ialah subjek kajian 1 dengan 15% peratus sahaja.



Rajah 1 : Graf menunjukkan peningkatan ujian pasca berbanding ujian pra

Pemerhatian

Pemerhatian dibuat dengan menggunakan borang senarai semak pemerhatian bagi memudahkan pengkaji melihat perubahan yang berlaku kepada subjek kajiannya. Ia boleh digunakan sebagai rujukan bagi melihat perubahan pada tingkah laku dan nota murid. Melalui pemerhatian yang dibuat, subjek kajian menggunakan peta minda sebagai nota yang digunakan di dalam kelas. Antara perubahan yang ketara ialah nota murid mula menggunakan nota berbentuk peta minda. Jika nota sebelum ini tidak mempunyai sub-topik, nota murid selepas intervensi dijalankan mempunyai sub-topik. Kesemua murid juga menyiapkan nota selepas intervensi dijalankan.

Jadual 1

Jadual Pemerhatian berstruktur ke atas subjek kajian

Kelakuan dan Nota Murid	Sebelum		Selepas	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
1. Murid menyiapkan nota Contohnya : ayat yang lengkap, fakta mencukupi	1	3	4	0
2. Nota murid berbentuk esei panjang. Contohnya: tidak berstruktur, ayat panjang	2	2	0	4
3. Nota murid tidak mempunyai sub-topik Contohnya : tajuk kecil, pembahagian idea	4	0	1	3
4. Nota pelajar menggunakan pelbagai simbol. Contohnya : lukisan, hiasan	0	4	4	0
5. Nota murid berbentuk peta minda. Contohnya : tajuk utama, tajuk kembangan	0	4	4	0

6. Nota murid mempunyai tajuk utama. Contohnya : tajuk di atas nota	2	2	4	0
7. Nota murid menggunakan warna Contohnya : tulisan menggunakan warna	0	4	4	0
8. Murid boleh menerangkan secara lisan nota mereka Contohnya : menerangkan tajuk utama apabila ditanya oleh guru	1	3	4	0

Analisis Dokumen

Hukum Peta Minda Buzan digunakan untuk mengukur peta minda murid bagi memastikan hasil kerja menepati kriteria yang diperlukan. Dokumen analisis dijalankan kepada dokumen murid selepas kitaran 1 dan selepas kitaran 2. Ini kerana nota yang dianalisis menggunakan Hukum Peta Minda Buzan. Oleh itu, nota yang tidak berbentuk peta minda tidak boleh dianalisis dengan menggunakan Hukum Peta Minda Buzan.

Jadual 2 :

Skor murid mengikut Hukum Peta Minda Buzan

Hukum Peta Minda Buzan	Skor Subjek Kajian Kitaran 1				Skor Subjek Kajian Kitaran 2			
	1	2	3	4	1	2	3	4
Isi Penting	10	20	20	15	10	20	20	15
Kedudukan Peta Minda	20	20	20	20	20	20	20	20
Imej	5	5	5	5	10	10	10	10
Tulisan	5	10	10	5	5	10	10	5
Warna	5	5	5	5	10	15	15	15
Ruang	5	5	5	5	10	10	10	10
Garisan	10	10	10	10	10	10	10	10

5.5 Rumusan Kajian

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian. Pengkaji telah menyiapkan kajian yang telah dilaksanakan ini sepenuhnya pada 15 Ogos 2014. Kajian ini melibatkan tempoh intervensi selama 10 hari iaitu bermula daripada 14 Julai 2014 sehingga 13 Julai 2014. Pengajaran kaedah intervensi ini penggunaan nota berbentuk peta minda yang dijalankan ke atas 4 orang subjek kajian. Tujuan kaedah ini dilaksanakan adalah untuk membantu murid membuat notaringkas berbentuk peta minda dan meningkatkan skor markah murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mencari pelbagai bahan dan sumber rujukan di perpustakaan negara dan serta di perpustakaan institut bagi mendapatkan maklumat yang disaran oleh pensyarah kepada pengkaji. Hasilnya, pengkaji telah mendapat pelbagai bahan dan maklumat yang berguna sebagai rujukan semasa menjalankan kajian dan menyiapkan laporan. Pengkaji juga merujuk sumber rujukan dari luar negara bagi memahami dengan lebih jelas isu di dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji turut mengalami masalah kekangan masa. Tempoh kajian yang dijalankan di dalam bulan puasa menyebabkan banyak aktiviti keagamaan dirancang oleh pihak sekolah. Jadi masa pengkaji bersama subjek kajian adalah terhad. Namun begitu, kerjasama daripada guru lain amat dihargai kerana member sedikit ruang kepada pengkaji untuk meminjam masa mereka.

6.0 CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA

Cadangan kajian seterusnya ialah untuk menggunakan kaedah akronim di dalam nota murid. Penggunaan akronim dapat meningkatkan kemahiran murid dalam menghasilkan nota yang dapat digunakan pada masa hadapan. Nota yang boleh dijadikan rujukan akan membolehkan murid senang untuk mengulang kaji pada masa yang genting seperti di waktu peperiksaan. Kaedah akrostil adalah menggunakan huruf pertama ataupun awalan fakta untuk membentuk ayat yang lebih mudah untuk diingati oleh murid.

RUJUKAN

- Cathy- Ann Radix dan Azim Abdool. (2013). *Using mind maps for the measurement and improvement of learning quality* : Carribean Teaching Scholar.
- Choong Lean Keow. (2008). *Murid dan alam belajar untuk program perguruan pendidikan rendah pengajian empat tahun*. Subang Jaya, Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Riswanto dan Pebri Prandika Putra. (2012). *The use of mind mapping strategy in the teaching of writing at SMAN 3 Bengkulu, Indonesia* : International Journal of Humanities and Social Science.
- Santrock,J.W. (2010). *Child development*. 12th edition. New York: Mc Graw Hill.
- Tee Tze Kiong, Jailani Bin Md Yunos, Widad Bt. Othman, Baharom Bin Mohamad, Yee Mei Heong dan Mimi Mohaffyza Binti Mohamad. (2011). *Pembangunan dan penilaian kualiti modul pembelajaran sendiri kemahiran berfikir dan peta minda Buzan* : Seminar Pasca Ijazah dalam Pendidikan 2011.
- Yahya Othman dan Azmey Othman. (2012). *Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di sebuah sekolah menengah arab di Negara Brunei Darussalam* : Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.

PENGGUNAAN KIT PENCEMARAN DUNIA UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI MURID TAHUN 6 KENANGA MENERUSI KAEDAH PETA MINDA DALAM TAJUK PENCEMARAN DALAM KAJIAN TEMPATAN

Oleh :

WAN MUHAMMAD HARITH BIN WAN AZMI
Jabatan Pengajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat adakah penggunaan kaedah peta minda melalui aplikasi kit pencemaran dunia dapat meningkatkan prestasi murid dalam tajuk pencemaran. 5 orang responden di sebuah sekolah di Bandar Tasik Selatan telah dipilih dalam kajian ini. Fokus kajian adalah untuk mengetahui sama ada kaedah peta minda melalui aplikasi Kit Pencemaran Dunia dapat meningkatkan prestasi subjek-subjek di sekolah. Tinjauan awal mendapati subjek mempunyai masalah untuk menguasai tajuk pencemaran dengan baik serta tidak mempunyai kemahiran membuat nota dengan berkesan. Keputusan menunjukkan subjek berjaya menghasilkan peta minda dengan berkesan dan bermaklumat setelah melakukan intervensi. Cadangan kajian seterusnya ialah Membuat kajian seterusnya penggunaan Kit Pencemaran Dunia (KPD) dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan topik-topik yang sesuai yang menggunakan bahan maujud seperti Perubahan Lanskap, Iklim dan Cuaca, Bentuk Muka Bumi dan lain-lain.

1.0 PENDAHULUAN.

Semasa menjalani praktikum di Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Selatan, pengkaji mendapati murid tahun 6 Kenangatingkahlaku tidak dapat menguasai topik pencemaran dengan baik. Masalah ini berlaku disebabkan murid-murid hanya mengetahui jenis-jenis pencemaran sahaja tetapi tidak mengetahui akan punca dan kesan pencemaran itu berlaku. Sememangnya punca, kesan dan akibat itu sangat penting untuk diketahui oleh murid-murid supaya murid dapat mengambil langkah mengatasi masalah pencemaran kelak. Dengan ilmu yang sedia ada, sekurang-kurangnya masalah pencemaran ini dapat diatasi dengan penerapan nilai-nilai murni melalui topik ini khususnya masalah pencemaran di sekolah.

Terdapat pelbagai kaedah sebagai alat bantu dalam mencari penyelesaian kepada masalah ini serta teori yang digunakan oleh guru dalam membantu untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran selain meningkatkan keberkesanan pencapaian murid. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori konstruktivisme dan behavioris.

2.0 FOKUS KAJIAN.

Isu yang timbul di dalam kajian ini adalah bagaimana murid-murid Tahun 6 Kenanga dapat meningkatkan kefahaman mereka dalam menguasai topik pencemaran dalam matapelajaran Kajian Tempatan di samping dapat menyalin nota dengan lebih efisien dan cepat. Di dalam Sukatan Pelajaran Kajian Tempatan Tahun 6 lebih memberi penekanan kepada jenis, punca dan kesan pencemaran. Namun, murid 6 Kenanga masih keliru untuk memahami fakta semasa membuat latihan pada akhir PdP. Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan, didapati murid masih lagi tidak menjawab dengan betul fakta pencemaran. Bagi masalah membuat nota dapat dikenalpasti melalui pemerhatian terhadap nota kerja semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini berlaku mungkin kerana aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru yang tidak menarik, bersifat sehalu dan tiada penglibatan aktif murid dalam aktiviti yang disediakan.

Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji mencipta alat bantu belajar sebagai bahan untuk membantu guru dalam usaha meningkatkan lagi kefahaman murid. Hal ini telah mendapat sokongan daripada Nor Hidayani Binti Semon (2012), memetik Carey (1992) yang menyatakan dengan penggunaan bahan maujud, kanak-kanak boleh melihat perhubungan di antara simbol untuk memanipulasikan bahan konkrit dengan masalah dalam pembelajaran. Alat bantu belajar yang digunakan dalam kajian ini ialah "KPD" di mana murid akan terlibat secara aktif dalam melihat punca, kesan dan proses pencemaran itu berlaku secara lansung. Sebagai penyelesaian bagi masalah membuat nota pula,

pengkaji akan memperkenalkan kaedah peta minda yang dapat membantu murid-murid 6 Kenanga mengubah cara menulis nota mereka dengan lebih efisien, berkesan dan kemas.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN.

3.1 Objektif Umum.

Penggunaan kit pencemaran dunia untuk meningkatkan prestasi murid tahun 6 Kenanga menerusi kaedah peta minda dalam tajuk pencemaran dalam kajian tempatan

3.2 Objektif Khusus.

- Meningkatkan markah ujian pasca berbanding dengan ujian pra dalam topik pencemaran dalam matapelajaran Kajian Tempatan.
- Murid dapat menghasilkan peta minda semasa membuat nota berdasarkan aplikasi Kit Pencemaran Dunia

4.0 KUMPULAN SASARAN.

Kajian ini melibatkan 5 orang subjek daripada Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Selatan berumur 12 tahun. Kelima-lima subjek kajian berbangsa Melayu. 2 orang merupakan murid perempuan manakala 3 yang lain murid lelaki.

5.0 PELAKSANAAN TINDAKAN.

Pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen seperti pemerhatian, analisis dokumen dan ujian amali untuk membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan untuk melihat hasil intervensi yang telah dijalankan ke atas subjek kajian.

5.1 Cara mengumpulkan maklumat/data.

Tiga instrumen yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan tinjauan awal ialah analisis dokumen, ujian dan pemerhatian. Pengkaji telah memilih instrumen pengumpulan data ini dengan berasaskan kesesuaian serta keperluan instrumen dalam membantu pengkaji menjalankan kajian ini.

5.2 Analisis tinjauan awal.


Pengkaji telah menggunakan kedah pemerhatian, analisis dokumen dan ujian sebagai instrumen untuk menilai masalah murid. Instrumen yang sama juga digunakan pengkaji bagi menganalisis dapatan kajian. Ujian yang digunakan ialah ujian pra/pengesanan, ujian pencapaian dan ujian pasca. Hasil analisis mendapati murid-murid lemah dalam menguasai topik pencemaran dan buku tulis murid tidak kemas.

5.3 Tindakan menangani masalah.

Semasa tindakan pada fasa pertama, pengkaji telah menrangka satu kaedah pengajaran sebagai salah satu medium untuk melancarkan proses pengajaran dengan menggunakan KPD. Pengkaji telah merujuk panduan menggunakan bahan bantu mengajar dengan sesuai daripada pelbagai sumber. Sebagai permulaan, pengkaji telah menaplikasikan KPD dan peta minda pada kitaran pertama. Walaupun hasil kitaran pertama menunjukkan peningkatan prestasi murid, tetapi prestasi masih tidak melepasi tahap yang diinginkan oleh pengkaji iaitu melebihi 80%. Maka pengkaji telah melaksanakan kitaran kedua dengan penambahbaikan pada intervensi melalui penyerapan kemahiran peneguhan terhadap subjek kajian.

5.4 Keputusan Kajian.

Ujian pra dan pasca.



Rajah 7.2 : Jumlah Skor Ujian Pra dan Pasca Subjek Kajian.

Berdasarkan Rajah 7.2, pengkaji dapat melihat perbezaan prestasi subjek kajian diantara markah ujian pra dan markah ujian pasca. Hasil intervensi yang dijalankan jelas menunjukkan peningkatan prestasi subjek kajian sehingga berjaya memperoleh gred A dalam ujian bagi tajuk pencemaran.

Pemerhatian.

Pemerhatian berstruktur dijalankan ke atas lima orang subjek kajian. Pemerhatian ini dijalankan pada kitaran pertama dan kedua dibahagikan kepada 4 tema utama iaitu sebelum PdP bermula, semasa PdP berlansung, semasa menjalankan aktiviti peta minda dan semasa menjawab ujian pencapaian dan ujian pos. Pemerhatian ini menunjukkan satu peningkatan yang positif bagi pengkaji kerana telah dapat membuktikan bahawa segala intervensi yang diberikan oleh pengkaji kepada responden berjaya membantu meningkatkan tahap prestasi murid-murid.

Jadual 7

Semasa pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran.

Item	Kitaran 1				Kitaran 2			
	Ya	S	Tidak	S	Ya	S	Tidak	S
1. Murid bermain-main dan mengganggu rakan semasa guru sedang mengajar.	2	R2 R3	3	R1 R4 R5	0	-	5	R1 R2 R3 R4 R5
2. Murid menjawab pertanyaan guru dan melibatkan diri secara aktif	2	R4 R5	3	R1 R3 R3	5	R1 R2 R3 R4 R5	0	-
3. Murid menunjukkan mimik muka, reaksi dan respon menandakan bosan dan tidak berpuas hati.	1	R5	4	R1 R2 R3 R4	0		5	R1 R2 R3 R4 R5

Jadual 7.2.1.2 menunjukkan perbezaan diantara jumlah subjek yang melibatkan diri dalam sesi PdP semasa KPD dilaksanakan. Perbezaan ini menunjukkan keberkesanan intervensi yang dijalankan oleh pengkaji terhadap subjek kajian.

Analisis dokumen.

Pengkaji telah menjalankan analisis dokumen terhadap kelima-lima subjek kajian. Analisis kajian dijalankan untuk mengukur kemampuan subjek kajian mengaplikasikan peta minda selepas KPD dijalankan. Perbandingan dilakukan terhadap hasil kerja murid sebelum intervensi dan selepas intervensi. Pengkaji juga menjalankan analisis dokumen untuk melihat adakah subjek berjaya meneruskan kemahiran membina peta minda selepas tempoh kajian tamat bagi tajuk-tajuk seterusnya. Perbezaan diantara peta minda yang dihasilkan oleh subjek-subjek kajian pada kitaran pertama bagi dan kitaran kedua bagi. Pada kitaran pertama kesemua subjek kajian tidak dapat memperolehi gred A kerana peta minda yang dihasilkan tidak memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk memperolehi gred A. Antaranya seperti mempunyai maklumat yang cukup iaitu jenis pencemaran, punca pencemaran dan kesan pencemaran. Akan tetapi, apabila kitaran dua dijalankan, pengkaji dapat membantu subjek kajian memperoleh gred A dengan menyediakan pensel warna, membimbing dan menerapkan peneguhan semasa menjalankan aktiviti membina peta minda. Pengkaji juga menjalankan kajian susulan bagi subjek-subjek kajian untuk melihat keberhasilan subjek kajian mengaplikasikan kemahiran peta minda bagi tajuk-tajuk seterusnya iaitu Perubahan Lanskap dan Kepupusan Flora dan Fauna.

5.5 Rumusan kajian.

Rumusan dapatan dibuat untuk menjawab persoalan kajian dengan menggunakan data daripada keputusan kajian. Pengkaji telah menyiapkan kajian yang telah dilaksanakan ini dengan sepenuhnya pada 22 Ogos 2014. Kajian ini telah melibatkan tempoh intervensi selama 21 hari iaitu bermula sepanjang tiga minggu tempoh intership.

Pengajaran kaedah intervensi ini telah melibatkan pengajaran bagi tajuk pencemaran dengan menggunakan KPD sebagai intervensi ke atas lima orang responden. Tujuan kaedah ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan prestasi subjek-subjek kajian pada akhir kajian ini.

5.6 Refleksi

Pengkaji telah mencari pelbagai bahan dan sumber rujukan di perpustakaan negara dan perpustakaan institut bagi mendapatkan maklumat yang disaran oleh pensyarah kepada pengkaji. Hasilnya, pengkaji telah mendapat pelbagai bahan dan maklumat yang berguna sebagai rujukan semasa menjalankan kajian dan menyiapkan laporan.

Selain itu, pengkaji turut mengalami masalah kekurangan masa kerana pengkaji juga mempunyai komitmen lain iaitu menyiapkan tugas-tugas subjek-subjek pada semester ini. Selain itu, pengkaji juga mempunyai kekangan masa bersama-sama subjek kerana subjek akan menduduki peperiksaan UPSR. Jadi kebanyakkan waktu-waktu PdP bagi subjek-subjek bukan teras diganti dengan subjek-subjek teras seperti matematik dan bahasa Inggeris.

6.0 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA.

Kajian yang pengkaji telah jalankan ini terdapat kelebihan dan kelemahannya. Oleh itu, antara penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam kajian tindakan ini ialah mempelbagaikan alat-alat bantu belajar bahan utama untuk mengajar mata pelajaran yang sesuai dengan penggunaan KPD dan lakukan aktiviti secara berpasangan atau berkumpulan. Antara contoh topik-topik lain yang boleh menggunakan KPD sebagai bahan bantu mengajar ialah seperti Perubahan Lanskap, Iklim dan Cuaca Dunia dan lain-lain. Selain itu, sebagai kajian lanjutan, pengkaji mempunyai beberapa cadangan tindakan bagi meningkatkan lagi keberkesanan dalam penyelidikan kajian tindakan ini.

Antaranya adalah melaksanakan kajian terhadap faktor-faktor Subjek R3 yang menunjukkan peningkatan markah yang tertinggi berbanding subjek-subjek lain dalam ujian pencapaian dan ujian pos dan Menggabungkan penggunaan KPD dan video untuk menyelesaikan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan KPD sebagai intervensi kepada murid. Pada masa akan datang, pengkaji lain mungkin boleh menggabungkan teknik-teknik lain seperti bercerita, peta dan lain-lain dengan KPD.

RUJUKAN.

- Aiken. (2008). *Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Guru – Guru Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Kelantan*. UTM: Tesis Sarjana Muda.
- Chan Wai Ling. (2004). *The effectiveness of using mind mapping skills in enhancing secondary one and secondary four students' writing in a CMI school*. Diakses daripada <http://hdl.handle.net/10722/31749>. Pada 19.8.2014.
- Che Noraini Hashim. (2008). *Kepelbagaian pendekatan pengajaran dan pembelajaran Rasulullah (S.A.W.) demi menjana pendidikan yang berkesan*. Jurnal Pendidikan Islam. 13(1): 61- 79, IPG. Islam, Bangi, Selangor.
- Fathiyah Mohd Fakhrudin. (2010). *Penerapan elemen Peta minda dalam pengajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah Lembah Klang*. Tesis Ph.d yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Sabah.
- Makarimi Kasim. (2006). *Mind mapping constructivist learning environment and students learning outcomes*. Disertasi Sarjana Pendidikan Sains. Universiti Brunei Darussalam, Brunei Darussalam.
- Morrission Jement Anak Jonathan Kibing. (2010). *Kesan peta minda dalam meningkatkan kemahiran mengenal pasti isi utama dan isi huraian karangan Bahasa Melayu murid Tahun lima*. Prosiding seminar penyelidikan tindakan tahun 2010. IPG KBL, (BM Pendidikan Rendah), 211-223. Sarawak: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.
- Mohd Dahlan. (2002). *Pendidikan Seni Di Malaysia: Antara Harapan Dan Kenyataan dalam Seminar Pedagogi Pendidikan Seni Visual*. Tanjong Malim, UPSI Kamus Dewan (Edisi Ketiga),2002. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan. Pustaka.
- Nik Siti Amanah Zuhri Binti Nik Omar. (2011). *Menyelesaikan Masalah Dalam Bidang Menggambar Aktiviti Kolaj Dengan Menggunakan Kaedah Demonstrasi Model Hidup Bagi Murid Prasekolah Bestari, Sk Pulau Rusa*. Kuala Terengganu. Institut pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.
- Nor Hidayani Binti Semon, Noor Azliza Binti Ahmad, Roslina Binti Ibrahim dan Mohd. Rozuwan Bin Zakaria. (2012). *Keberkesanan Kaedah Tunjuk Cara Dalam Tutorial Membantu Meningkatkan Pemahaman Pelajar Terhadap Subtopik 'Linked Genes'*. Unit Biologi. Kolej Matrikulasi Perak.
- Noor Azlan Bin Ahmad Zanzali dan Nurdalina Binti Daud. (2007). *Penggunaan Alat Bantu Mengajar Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik, Negeri Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Tan Ching Tong. (2002). *Amalan Penggunaan Alat Bantu Mengajar Di Kalangan Guru – Guru Kemahiran Hidup Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran. Satu Kajian Kes Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Kursus SPH Sesi 2001/2002*, UTM : Tesis Sarjana Muda